

Sosialis



PRK Kuala Kangsar & Sungai Besar **REFERENDUM KE ATAS PEMBANGKANG BUKANNYA NAJIB**



baca lanjut di m/s 6



**Ahli Parlimen PSM
Dr Kumar**
isytihar harta
8 tahun berturut-turut

> m/s 8



Kongres PSM ke-18

> m/s 16

**Hentikan
kerja shif 12 jam**

> m/s 9

**Hadi kejutkan
Parlimen**

> m/s 10

**Solidariti untuk
Papua New Guinea**

> m/s 12

Siapa sakit hati?

baca lanjut di m/s 4

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan

mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.
- ★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia

140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26314866
Fax: 03-26314867
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313

PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungkiri.wordpress.com/>



DARI MEJA PENGARANG

Rejim UMNO-BN pimpinan Najib Razak nampaknya menjadi lebih selesa selepas Pilihanraya Kecil (PRK) di Kuala Kangsar dan Sungai Besar baru-baru ini. Kemenangan calon BN yang mempertahankan kedua-dua kerusi Parlimen tersebut dengan perolehan undi yang lebih tinggi berbanding Pilihanraya Umum ke-13, nampaknya memberi keyakinan kepada Najib untuk terus kekal memegang pada kekuasaannya. Ini adalah satu situasi yang amat tidak berpihak kepada rakyat biasa yang inginkan perubahan.

Kekalahan parti pembangkang dalam kedua-dua PRK baru-baru ini, bukan hanya disebabkan politik suapan wang yang dipermainkan oleh UMNO-BN selama ini, tetapi yang paling ketara adalah kelemahan parti pembangkang itu sendiri. Perpecahan dalam gabungan parti-parti pembangkang sehingga berlakunya pertembungan 3 penjur, kerjasama dengan seorang bekas diktator untuk menjatuhkan rejim yang sedang menunjukkan sifat-sifat kediktatoran, dan juga kehilangan halatuju dalam menyampaikan kepada rakyat satu alternatif politik yang jelas, semuanya ini telah mengundang kekalahan kepada parti pembangkang, malah juga menghadapi kegagalan untuk mencabar kekuasaan rejim UMNO-BN yang sedang dihantui dengan pelbagai skandal dan masalah dalaman.

Keputusan dua PRK terbaru ini juga membuktikan satu perkara, iaitu usaha Pakatan Harapan berjinak dan bekerjasama dengan bekas PM Mahathir Mohamad itu tidak membuahkan hasil. Mahathir tidak

menarik lebih undi kepada Pakatan Harapan, sekaligus menafikan dakwaan sesetengah aktivis politik yang mengatakan bahawa pembangkang dan gerakan rakyat dapat mempergunakan pengaruh Mahathir. Niat Mahathir amat jelas untuk ramai orang, iaitu dia tidak akan diam diri selagi anaknya belum jadi PM dan kepentingan kroni-kroninya tidak terjamin.

Tindakan tergesa-gesa sebahagian pemimpin Pakatan Harapan dan masyarakat sivil untuk bekerjasama dengan Mahathir hanya menunjukkan ketandusan idea dan kehausan motivasi untuk mengatur perjuangan rakyat. Ada orang yang cuba menggunakan alasan "barisan bersatu" dalam bab kerjasama dengan Mahathir dalam "Deklarasi Rakyat". Namun, sebelum kekuatan rakyat dapat disatukan, aktivis parti pembangkang dan masyarakat sivil sudahpun berpecah kerana berbeza pendapat dengan penglibatan Mahathir. Akhirnya apa yang sudah "bersatu", dan di mana pula barisannya? Ke mana halatujunya selepas ini? Jawapannya semesti tidak boleh diberikan oleh Mahathir.

Situasi memang amat sukar untuk rakyat Malaysia dan cabaran untuk perjuangan rakyat adalah amat hebat. Kita tiada masa untuk kecewa dan berputus asa. Banyak lagi perjuangan harian yang perlu dilakukan oleh rakyat marhaen. Kita perlu tingkatkan usaha untuk membina kuasa rakyat dari bawah, dan mengajukan halatuju perubahan sosial yang jelas, demi terus melawan rejim yang korup lagi zalim.

##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur
Tel: 603-26314866
Fax: 603-26314867
Laman web: <http://partisosialis.org/>



Hari Pelarian Sedunia

Bersempena dengan Hari Pelarian Sedunia, PSM telah mengadakan satu sesi diskusi tentang pelarian, pada 20 Jun yang lalu di Ibupejabat PSM Pusat di Brickfields, Kuala Lumpur. Madhavi dari Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC) telah berkongsi tentang situasi dan masalah yang dihadapi oleh pelarian secara umum. Sementara itu, dua orang tetamu khas, iaitu Herenika dari Sri Lanka dan Faizal yang mewakili masyarakat Rohingya dari Myanmar, telah menerangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua masyarakat pelarian itu.



Persiapan menuju PRU-14



Pelabuhan Klang

Satu mesyuarat strategi pilihanraya untuk kawasan DUN Pelabuhan Klang telah diadakan pada 12 Jun yang lalu. PSM Cawangan Klang berhasrat dan bersedia meletakkan calon untuk bertanding di kawasan DUN tersebut dalam PRU-14.

Cameron Highlands

PSM Cawangan Cameron Highlands telah mengadakan satu perbincangan bersama dengan pimpinan kawasan setempat pada 19 Jun yang lalu, untuk membincangkan isu-isu berkenaan dengan PRU-14 dan usaha untuk membina kapasiti gerakan rakyat.



Taklimat gaji minimum

Biro Pekerja PSM Cawangan Sungai Siput telah menganjurkan satu sesi khas pada 18 Jun yang lalu, untuk menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan kenaikan gaji minimum. Kerajaan telah mengumumkan bahawa gaji minimum akan dinaikkan dari RM 900 ke RM 1000 di Semenanjung Malaysia, dan dari RM 800 ke RM 920 di Sabah dan Sarawak, mulai 1 Julai tahun ini. Namun, kenaikan gaji minimum ini masih jauh kurang daripada apa yang dituntut oleh golongan pekerja, iaitu RM 1500.



Kes Arul ditunda



Kes Arutchelvan didakwa di bawah Akta Hasutan yang dijadualkan untuk perbicaraan pada 13 Jun yang lalu di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah ditangguhkan, atas sebab menanti penghakiman kes Mat Suhaime Hj Shafie (ADUN Sri Muda, Selangor) mencabar keabsahan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dari segi perlembagaan di Mahkamah Rayuan.

Pendengaran kes Arutchelvan telah dijadualkan semula pada 13 hingga 15 September 2016.

keputusan kes Anwar Ibrahim di Mahkamah Persekutuan.

Arutchelvan telah mengeluarkan satu kenyataan pada 10 Februari 2015, mengkritik keputusan Mahkamah Persekutuan yang bermotifkan politik dalam kes Anwar Ibrahim. Arutchelvan memegang jawatan Setiausaha Agung PSM pada masa itu. Arutchelvan telah ditahan di bawah Akta Hasutan pada 19 Februari 2015 dan dibebaskan pada hari keesokannya selepas Majistret menolak permohonan polis untuk perintah reman 4 hari.

Arutchelvan, AJK Pusat PSM, telah didakwa di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 23 November tahun lepas, atas pertuduhan kenyataannya berkenaan dengan

Arutchelvan merupakan salah seorang daripada ramai mangsa kepada Akta Hasutan yang digunakan untuk menyekat kebebasan bersuara.



Hulu Langat

Pengedaran risalah di Pasar

Suntex Hulu Langat, Selangor. Reaksi rakyat secara umumnya terhadap perkembangan terkini adalah mereka amat risau tentang ekonomi dan masa depan negara kita.

Akan datang

Forum Sosialisme 2016

18-20 November ★ Kuala Lumpur

Diskusi dan debat tentang isu-isu hangat di peringkat antarabangsa dan juga dalam negara...

Ikuti perkembangan terkini di laman FB: **SocialismMalaysia**

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI



Akta Komunikasi dan Multimedia mengganas

Siapa yang sakit hati?

Pada awal bulan Jun 2016, kita dikejutkan dengan berita tentang seorang anak muda yang bernama Muhammad Amirul Azwan Mohd Shakri, berumur 19 tahun, yang didakwa memuatnaik komen "menghina" Tunku Mahkota Johor (TMJ), telah dijatuhkan hukuman penjara selama 1 tahun, walaupun dia telah mengaku salah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Isu pertama yang perlu diteliti adalah, jika wujudnya unsur jenayah atau isu keselamatan awam yang akan terjejas dengan komen-komen sebegini, apakah sebenarnya kesan beberapa baris ayat yang dimuatnaik dalam laman facebook?

Walaupun kita setuju bahawa perbuatan menghina, mengecam, mengugut sesiapa pun tidak boleh diterima dan perlu dielakkan, tetapi adakah hukuman yang dijatuhkan ke atas Amirul itu setimpal dengan perbuatannya atau sudah keterlaluan?

Amirul dijatuhkan hukuman atas pertuduhan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, di mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya. Dilaporkan bahawa beliau didapati bersalah kerana pada pendapat Mahkamah, beliau membuat komen itu dengan niat untuk menyakitkan hati Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Yang keduanya adalah, bagaimanakah Akta ini membezakan antara individu yang sememangnya merancang dan memuatnaikkan komen dengan tujuan utama untuk memalukan dan menfitnah



seseorang berbanding dengan seorang individu yang hanya menyuarakan kemarahannya kerana suatu permainan bolasepak?

Selain daripada kes Amirul, seramai lebih 10 orang lagi telah ditahan dan disiasat kerana membuat komen tentang permainan bolasepak yang melibatkan pasukan Johor tersebut. Apakah rasionalnya untuk menahan dan menghukum seorang yang hanya membuat komennya mengenai permainan bolasepak? Adakah Akta Komunikasi dan Multimedia ini merupakan adik kepada Akta Hasutan 1948 yang sedang digunakan untuk mengintimidasi rakyat daripada membuat kritikan dan memukul kebangkitan rakyat?

Dalam Laporan Hak Asasi Tahunan 2015 yang diterbitkan oleh badan hak asasi manusia SUARAM, telah dilaporkan bahawa sebanyak 37 kes yang direkodkan melibatkan Akta Komunikasi dan Multimedia, di mana 23 orang sedang disiasat, 10 orang ditahan, 3 orang lagi didakwa di mahkamah dan seorang menjalani hukuman di penjara.

Yang ketiganya adalah, dalam kes-

kes yang diklasifikasikan sebagai tindakan yang telah menghina TMJ, kenyataan Tunku Mahkota baru-baru ini memberikan gambaran yang berbeza. Dalam berita Malaysiakini pada 30 Mei yang lalu, telah dipetikkan wawancara yang disiarkan dalam laman facebook Johor Southern Tigers, di mana TMJ dilaporkan berkata, "Saya dengan rendah diri mencadangkan kepada PDRM agar tidak menangkap mana-mana individu yang telah membuat sebarang kenyataan yang menghina terhadap saya." "Berikan mereka peluang untuk menyuarakan apa yang mereka mahu katakan kepada saya secara berhadapan, dan bersemuka antara mereka dan saya sahaja. Terus terang saya cakap yang saya tidak peduli apa sahaja orang mengatakan kerana saya amat bersyukur dengan apa yang Allah Taala berikan kepada saya", jelasnya lagi.

Jika begitulah pendirian TMJ, maka kenapa pula PDRM dan Pendakwaraya begitu tegas untuk menahan, mereman dan mendakwa mereka yang mengeluarkan komen ini? Kalau TMJ sendiri bersedia memaafkan mereka, siapakah individu lain yang terasa sakit hati

dengan komen tersebut dan ingin meneruskan pendakwaannya ini? Apakah agenda tersembunyi pihak berkuasa untuk menyalahgunakan Akta Komunikasi dan Multimedia atau Akta Hasutan ini?

Kemungkinan intimidasi tersebut disengajakan agar rakyat sentiasa takut untuk menyuarakan apa jua kritikan terhadap kepimpinan dan juga institusi-institusi awam di negara ini. Agenda untuk memenjarakan pemikiran dan luahan hati rakyat, ingin sangat dicapai oleh pihak tertentu sehingga sanggup menahan dan menghukum seseorang yang hanya telah mengkomen tentang pasukan bolasepak!

Kini Akta Komunikasi dan Multimedia ini menjadi satu lagi senjata pihak pemerintah yang ingin memegang ketat pada kerusi kepimpinan mereka. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan hanya untuk digantikan dengan pelbagai lagi akta kejam yang digunakan untuk menyekat kebebasan demokratik rakyat Malaysia.

(oleh Sivarajan)

Selepas pengusiran pada 6 Mei yang lalu, petani dan penternak Padang Tembak, Sungai Siput, Perak, masih tidak leka dalam perjuangan mereka. Pada 9 Mei yang lalu, peguam Ambiga Sreenevasan berjaya mendapatkan perintah penangguhan pelaksanaan keputusan mahkamah sehingga 27 Mei 2016. Hakim Zawawi, Vernon Ong dan Abdul Rahman Sebli di Mahkamah Rayuan Putrajaya juga mencadangkan pada Pejabat Tanah dan Galian Perak supaya berunding dengan petani untuk menyelesaikan masalah ini di luar mahkamah.

Petani dan penternak mencari tiga bidang tanah di kawasan Sungai Siput, iaitu di tepi Padang Tembak yang berada di luar kawasan pembinaan sekolah, di belakang Taman Kledang dan di dalam Ladang Kamuning. Permohonan tersebut telah disertakan.

Pada 17 Jun yang lalu, Pejabat

Petani Sungai Siput tuntutan tanah alternatif

Tanah dan Galian (PTG) mengaturkan mesyuarat dengan petani. Wakil Pejabat Tanah Sungai Siput turut hadir. Dalam mesyuarat itu, pihak PTG menolak ketiga-ketiga permohonan kerana ada perumahan di Padang Tembak dan Taman Kledang. Tanah di dalam Ladang Kamuning telah dijanjikan kepada orang lain pada tahun 2006. Dalam

mesyuarat itu, pihak PTG meminta petani menarik balik rayuan di mahkamah, tetapi petani tegas dengan pendirian bahawa mereka hanya akan tarik balik jika dapat sebidang tanah yang boleh bercucuk tanam. Walau bagaimanapun, pada akhir mesyuarat, pihak PTG janji akan mencari sebidang tanah di Sungai Siput untuk petani. Petani

juga akan berjumpa dengan Exco Negeri Perak bagi meneruskan perundingan.

Ahli Parlimen Sungai Siput PSM, Dr. Jeyakumar Devaraj, mengutus surat kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor bagi tujuan mengemukakan pindaan Kanun Tanah Negara demi melindungi petani dan penternak kecil. Pindaan ini adalah menubuhkan satu Lembaga Tanah Pertanian di bawah Seksyen 214B. Cadangan ini adalah Lembaga boleh melantik seorang ADUN pembangkang, wakil Menteri Pertanian dan wakil petani ke dalam mesyuarat bersama Menteri Besar jika satu tanah pertanian yang sedia ada hendak digunakan untuk tujuan pembangunan. Pindaan ini boleh disertakan kepada Dewan Rakyat supaya undang-undang ini boleh diselaraskan di semua negeri. ##



Petani Kampar hadapi pengusiran paksa Kerajaan Negeri Perak perlu campurtangan

Pada 16 Jun yang lalu, para petani dan penternak dari 2 kawasan di Daerah Kampar telah menyerahkan satu memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Negeri Perak di Ipoh. Seramai 55 orang petani di kawasan Kuala Kampar dan 20 orang petani di Mukim Kampar sedang menghadapi ancaman pengusiran. Mereka menuntut pada Menteri Besar Perak, Zambry Abdul Kadir, untuk mencampurtangan supaya menyelesaikan isu tanah pertanian tersebut. Petani-petani dari kedua-dua kawasan tersebut menyeru pada Kerajaan Negeri Perak supaya mengekalkan lot-lot tanah pertanian dan

penternakan yang sedang diusahakan mereka sekarang ini.

Pegawai Khas Menteri Besar Perak, Faeizi Zuber, telah menerima memorandum tersebut bagi pihak Menteri Besar.

Turut bersama dengan petani dan penternak pada hari itu semasa penyerahan memorandum adalah M. Sarasvathy, Timbalan Pengerusi PSM, dan Bawani KS, aktivis PSM Cawangan Kampar.

Petani dan penternak di Kuala Kampar

Seramai 55 orang petani, pekebun dan penternak (yang menternak ikan, lembu, kerbau dan kambing) di Kuala Kampar telah meneroka dan mengusahakan kawasan tanah kerajaan dan bekas lombong terbiar di situ selama 10 hingga 50 tahun. Lebih tiga generasi pengusaha tanah ini telah menjalankan kegiatan pertanian dan penternakan sebagai sumber pendapatan keluarga mereka.

Mereka telah mula membangunkan tanah tersebut atas usaha sendiri dan perbelanjaan ribuan ringgit. Mereka telah mengeluarkan pelbagai jenis tanaman sayuran, jagung, sengkuang, kacang panjang, bendi, timun, labu, ubi keledek, buah-buahan, ikan, kambing, lembu, kerbau dan kelapa sawit. Hasil pengeluaran dari kawasan ini dibekalkan ke seluruh Malaysia untuk menampung keperluan sumber makanan tempatan di negara kita.

Kewujudan golongan petani dan penternak di kawasan Kuala Kampar bukannya tidak disedari oleh pihak kerajaan selama ini, malah ada yang antara mereka pernah mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan. Misalnya, penternak-penternak haiwan (lembu dan kambing) di situ pernah menerima Sijil Latihan Ternakan Tenusu daripada Jabatan Haiwan Negeri Perak (tahun 1979), surat sokongan daripada Pejabat Menteri Besar Perak (tahun 2009), Surat Sokongan Penternak Aktif daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perak dan sebagainya. Pekebun kelapa sawit di situ juga mempunyai Lesen Menjual dan Mengalih Buah Kelapa Sawit (Pekebun Kecil) yang dikeluarkan di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998.

Para petani dan penternak di Kuala Kampar pernah mengambil langkah untuk memohon tanah daripada

kerajaan bagi tapak pertanian dan penternakan dalam Daerah Kampar untuk 20 tahun yang lepas. Namun, amat malangnya semua permohonan mereka tidak diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini.

Pada tahun 2008, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) telah mengeluarkan surat tawaran kepada para petani di situ melalui Pertubuhan Petani Daerah Kampar. Para petani telah mengemukakan persetujuan bertulis mereka seperti yang dikehendaki oleh pihak Perbadanan. Pada 11 April 2010, Persatuan Petani Malim Nawar dan Kampar telah menyerahkan satu memorandum kepada Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak, menuntut supaya pihak Kerajaan Negeri menyewakan tanah pertanian PPPNP kepada petani.

Namun, pada 12 Februari 2016, lot-lot tanah berkenaan telah dipajakan kepada Kemajuan BioKinta Sdn Bhd dan Kinta Biotech Sdn Bhd, melalui Perjanjian Pajakan Tanah dengan

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) untuk projek pengambilan pasir seluas 385.484 ekar dan penternakan ikan air tawar seluas 244.945 ekar.

Semasa para petani dan penternak sedang menanti keputusan dan cara penyelesaian daripada pihak kerajaan negeri, secara tiba-tiba pada 31 Mac 2016, jentolak telah dibawa masuk oleh seorang kontraktor yang memperkenalkan diri sebagai wakil Pemaju DMS Natural Resources yang dilantik oleh PPPNP untuk membersihkan kawasan berhampiran dengan tapak pertanian dan penternakan yang sedang diusahakan oleh petani dan penternak asal. Ekoran itu, pada 17 April 2016, seramai 20 orang petani dan penternak telah membuat aduan polis untuk meminta pihak polis supaya menyalut perkara ini, kerana sehingga kini para petani dan penternak tidak menerima notis daripada pihak PPPNP.

Petani dan penternak di Mukim Kampar

Seramai 20 orang petani dan peternak di Mukim Kampar yang sedang menghadapi ancaman pengusiran sekarang ini. Mereka telah mengusahakan tanah di situ untuk kegiatan pertanian dan penternakan selama lebih 30 tahun.

Pada tahun 1983, sewaktu negara kita dilanda masalah penurunan harga biji timah, Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Perak pada waktu itu, telah menyeru pada rakyat Perak supaya meneroka lombong-lombong bijih timah untuk mengusahakan kegiatan perikanan bagi mengatasi masalah penurunan harga bijih timah. Penduduk di sekitar Kampar telah menyahut seruan itu dan memulakan kegiatan perikanan di tanah kawasan lombong dengan pengetahuan pihak kerajaan tanpa sebarang gangguan. Mereka telah membelanjakan beribu-ribu ringgit untuk membangunkan kegiatan perikanan dalam tempoh 30 tahun ini dan kini terdapat lebih 30 kolam ikan koi. Selain itu, mereka juga telah mengusahakan pertanian ubi keledek, lobak, sengkuang, kelapa sawit dan penternakan lembu di kawasan itu. Hasil daripada pertanian dan penternakan ini dijual di semua pasar borong di Perak dan negeri-negeri lain. Ikan koi juga dieksport ke negara Singapura.

Pada tahun 2012 dan 2013, Jabatan Perikanan Negeri Perak, telah menjalankan “Program Survelan Persampelan” untuk beberapa siri ke atas kolam-kolam ikan koi di kawasan itu. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, Jabatan Perikanan telah memberi kebenaran kepada

penternak untuk meneruskan kegiatan perikanan dan menjual hasil mereka kepada orang awam.

Ada di kalangan petani dan penternak di situ pernah memiliki Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk tanah kawasan itu sekitar tahun 1990-an.

Para petani dan penternak telah mengambil langkah untuk memohon tanah daripada kerajaan bagi tujuan tapak pertanian dan penternakan di Mukim Kampar pada tahun 2006 dan 2009. Tetapi, permohonan mereka tidak diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pada 10 April 2012, lot-lot tanah itu telah dipindahmilik secara pajakan kepada Syarikat Premier Supreme Sdn. Bhd untuk projek perumahan.

Pada 29 Januari 2016, para petani dan penternak telah menerima notis pengusiran yang mengarahkan mereka mengosongkan lot tanah tersebut dalam tempoh masa 2 bulan.

Pada 7 April 2016, para petani dan penternak telah menghantar memorandum kepada Mah Hang Soon, selaku Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, untuk mengatur satu perjumpaan antara para petani dengan Menteri Besar. Namun, setelah lebih dua bulan berlalu, para petani dan penternak masih tidak menerima sebarang maklumbalas daripada Mah berhubung perkara ini.

Petani menuntut untuk kekalkan tanah pertanian

Para petani dan penternak di kedua-dua kawasan di Kampar yang sedang menghadapi ancaman pengusiran paksa ini telah mengemukakan tuntutan mereka seperti berikut:

1. Kerajaan Negeri patut membenarkan para petani dan penternak untuk meneruskan kegiatan sara hidup mereka di kawasan tersebut. Sudah berpuluh-puluh tahun para pengusaha tanah dan keluarga mereka bergantung pada hasil pertanian dan penternakan sebagai sumber pendapatan mereka. Rezeki mereka akan terjejas sekiranya diusir secara paksa dan kehilangan tanah untuk diusahakan.
2. Menteri Besar Negeri Perak perlu mencampurtangan dalam perkara ini dengan mengadakan perjumpaan dengan para petani dan penternak untuk mencari penyelesaian yang adil.
3. Kerajaan Negeri perlu mengarahkan Perbadanan

Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) untuk menagguhkan Projek Pajakan Tanah kepada Kemajuan Biokinta Sdn Bhd dan Kinta Biotech Sdn Bhd sehingga mencapai satu penyelesaian yang dipersetujui oleh para petani dan penternak di Kuala Kampar.

4. Kerajaan Negeri perlu mengarahkan Syarikat Premier Supreme Sdn Bhd untuk menagguhkan notis pengusiran yang dikeluarkan sehingga mendapat satu penyelesaian.

Rezeki dan kehidupan para petani dan penternak akan terjejas sekiranya pengusiran paksa diteruskan. Para petani dan penternak telah banyak menyumbang kepada pembekalan makanan dan pembangunan ekonomi untuk negara kita. Oleh itu, adalah tidak masuk akal untuk kerajaan kita menindas dan menghancurkan periuk nasi para petani dan penternak. ##



PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar

Referendum ke atas pembangkang?

KEANGKUKHAN BAWA PADA

oleh Arutchelvan

Dalam membuat satu analisis, kita harus membezakan isu-isu yang kabur dengan isu-isu yang nyata dan ketara. Maka saya ingin menyenaraikan beberapa isu yang nyata dan fakta. Isu-isu ini diterima oleh hampir semua penganalisis politik daripada kedua-dua belah. Ia juga sedikit sebanyak memberi petunjuk kepada apa yang boleh dijangkakan dalam Pilihanraya Umum (PRU) yang akan datang.

1. BN menang dua kerusi Pilihanraya Kecil (PRK) dengan majoriti yang lebih tinggi di Kuala Kangsar (6,969 undi) dan Sungai Besar (9,191 undi). Peningkatan peratusan undi untuk BN boleh dikatakan sekitar 4 titik peratusan. Ia adalah kemenangan selesa bagi BN walaupun jumlah undi berbanding dengan PRU yang lepas tidak jauh berbeza.

2. Kemenangan BN tidak mengejutkan kita memandangkan pembangkang sudah berpecah antara PAS dan Pakatan Harapan (PH). Pertandingan tiga penjuror dengan jelas menunjukkan undi pembangkang sudah berpecah dua dengan kutipan undi lebih kurang sama antara Parti Amanah Negara (AMANAH) dan PAS. Kombinasi undi PAS dan AMANAH juga masih tidak dapat menewaskan BN. Ramai melihat pertandingan kali ini sebagai pertandingan merebut tempat kedua atau "pingat perak".

3. Jumlah pengundi yang turun mengundi, iaitu sekitar 72%, adalah lebih rendah berbanding PRU-13. Ini memberi gambaran bahawa mereka yang duduk jauh tidak turun mengundi kerana mungkin sudah bosan dengan politik. Ini juga memberi petunjuk bahawa jika PRU yang akan datang berterusan dengan mood yang sedia ada, maka jumlah yang turun mengundi akan berkurang dan ini membawa isyarat bahawa BN akan menang sekali lagi.

4. Seperti yang dijangka, AMANAH gagal mendapat undi Melayu manakala PAS gagal mendapat undi Cina. Ini menunjukkan bahawa pengundian mengikut perkauman masih ketara dan politik negara terus terjerumus dalam polarisasi perkauman. Ia juga merupakan petunjuk



bahawa PAS tidak boleh menang PRU akan datang kecuali jika mereka hanya berminat bertanding di Pantai Timur. Begitu juga dengan situasi yang dihadapi DAP, jika DAP berfikir AMANAH dapat menggantikan PAS, maka jawapannya juga adalah tidak.

5. Isu nasional seperti skandal 1MDB, Deklarasi Rakyat dan Hudud, gagal menjadi isu terpenting untuk rakyat membuat keputusan. Isu terpenting adalah pihak pembangkang berpecah dan bertanding melawan sesama sendiri. Hampir semua komen membalun pembangkang kerana tidak bersatu. Rakyat biasa kecewa dengan pembangkang yang berpecah dan bukannya dengan Dr. Mahathir. Dr. Mahathir hanyalah seorang oportunis yang gigih dalam menggunakan segala yang ada untuk menundukkan musuh politiknya. Apa sebenarnya pembangkang mahu daripada rakyat?

Namun, faktor paling penting yang membawa kepada kegagalan pembangkang, seperti yang dijangka, adalah keangkuhan mereka dan kegagalan mereka dalam mengawal ego mereka sendiri. Dengan adanya pertarungan tiga penjuror, mereka sudahpun mengetahui bahawa mereka menuju kepada kekalahan, tetapi mereka bersama dengan ikon terbaru mereka Dr. Mahathir cuba menjadikan ini satu referendum terhadap Najib Razak. Jika ia adalah pertarungan satu lawan satu dan

ada peluang untuk memang, memang wajarlah kita membuka referendum ini, tetapi apabila kita tahu akan kalah dan masih terus mengajak rakyat untuk membuat referendum, maka akhirnya kita kena juga menjilat luka yang kita sendiri wujudkan.

Sekarang ini, Najib mengatakan bahawa referendum terhadapnya tewas dan dia menjadi semakin yakin lagi angkuh. Kemenangan ini juga menjadikan rakyat semakin berputus asa dengan pembangkang. Andaikata jika pembangkang bijak dan hanya berkata bahawa PRK ini sekadar untuk melihat sejauh mana kekuatan pembangkang setelah berpecah, maka ia lebih realistik. Namun, PH berjudi dengan masa depan negara dalam satu pertarungan yang mereka sudahpun kalah sebelum bermula. Kini, susah untuk kita mematahkan hujah Najib yang berkata bahawa dia menang kepercayaan rakyat dan sebagainya kerana kitalah yang memberikannya peluang ini.

Sepanjang kempen PRK baru-baru ini, kita dapat melihat cara DAP berkempen dengan papan tanda perkauman di bulan Ramadan, menunjukkan mereka masih gagal memahami sentimen rakyat. Media sosial dan maklumat yang pantas dan pantas hari ini menyebabkan semua perkara yang kita buat di sesuatu tempat boleh digunakan terhadap kita di tempat lain. Maka, bermain politik perkauman atau bercakap secara lidah bercabang bukan lagi satu pilihan pada zaman sekarang. Ternyata parti AMANAH tidak selesa dengan cara kempen DAP yang agresif, tetapi apa boleh dibuat

Keputusan PRK, 18 Jun 2016

Kawasan Kuala Kangsar (Jumlah Pengundi 32,632)

BN	12,653 undi
PAS	5,684 undi
AMANAH	4,883 undi
Majoriti	6,969 undi
Peratusan mengundi	71%

Kawasan Sungai Besar (Jumlah Pengundi 42,365)

BN	16,800 undi
AMANAH	7,609 undi
PAS	6,902 undi
Majoriti	9,191 undi
Peratusan mengundi	74%

memandangkan AMANAH bergantung kepada jentera DAP.

Undi orang Cina yang kembali sedikit kepada BN menunjukkan bahawa undi masyarakat Cina ini bukanlah "cek kosong untuk DAP". Masyarakat Cina menunjukkan satu isyarat yang ketara, baik di Sarawak mahupun di Semenanjung, bahawa mereka sudah semakin bosan dengan pembangkang yang berpecah dan terus berpecah. Saya juga yakin ramai pengundi Cina dari luar negeri atau luar negara merasakan ini bukan suasana "Ini kalilah", maka mereka berfikir lain kalilah sahaja. Maka, jika ada anggapan bahawa rakyat akan mengundi kita walaupun seteruk apapun, bukan sesuatu yang boleh dijamin.

Dua PRK ini sebenarnya bukan satu referendum untuk Najib dan BN. Bagi saya, kedua-dua Najib dan BN masih tidak popular, kerana rakyat memang bencikan mereka. Namun, referendum sebenar PRU ini adalah pungutan suara ke atas pembangkang – sama ada Pakatan Harapan, DAP, AMANAH, Azmin Ali dan PAS...

Pembangkang kalah kerana berpecah. PRU-14 nanti pembangkang akan terus kalah jika terus berpecah. Maka isu 1MDB, Deklarasi Rakyat dan Dr. Mahathir serta lain-lain lagi tidak dapat memenangi pembangkang, kecuali pembangkang dapat menjadi satu alternatif yang kukuh dan kuat. Kekalahan semakin kelihatan di Selangor, negeri terkaya di Malaysia.

Jadi, hanya ada dua pilihan untuk pembangkang. Perlawanan penentuan tidak lama lagi. Pembangkang harus mengembalikan keyakinan rakyat.

(sambung di m/s 7)



(sambung dari m/s 6)

Pilihan pertama adalah pembangkang berjaya bekerjasama untuk memastikan satu lawan satu di semua kerusi. Ini memerlukan setiap parti untuk berkompromi. Ini amat mustahil selagi ada PAS dan parti serpihannya AMANAH. Memang PAS lebih kuat daripada AMANAH dari segi jentera dan parti yang paling kuat di kawasan pedalaman Melayu berbanding dengan AMANAH, PKR dan DAP. Maka, jika suatu parti perlu dikorbankan, maka PAS dan PKR akan memilih untuk mengorbankan AMANAH. Akibatnya, ramai pemimpin AMANAH yang memang terdiri daripada aktivis yang baik dan berpengalaman, mungkin terpaksa bertanding dengan logo parti DAP atau PKR. Ini juga susah dilakukan, kerana ini bererti DAP terpaksa menelan air liur dan ego mereka di mana ia adalah sesuatu yang sukar dilakukan.

Pilihan kedua adalah membuat satu gabungan baru melibatkan satu gerakan yang jauh lebih besar dan menyeluruh. Ia perlu melibatkan parti-parti di Pulau Borneo dan juga parti lain seperti PSM dan PRM. Melibatkan aktivis hak asasi dan NGO yang berkaliber. Melibatkan pemimpin akarumbi, kesatuan sekerja, persatuan peladang, nelayan, kumpulan mahasiswa, anak muda dan lain-lain lagi. Mewujudkan satu wawasan misi baru dan satu logo baru. Hanya dengan cara ini kita dapat menyajikan satu hidangan baru dan segar. Pilihan baru ini mungkin dapat menyakinkan rakyat jika mempunyai satu program nasional di mana isu-isu asas seperti kemiskinan luar bandar, isu persoalan nasional yang meliputi agama dan bahasa, serta polisi ekonomi dapat diselesaikan melalui satu formula baru untuk perbincangan dan konsensus. Ini adalah satu gabungan semua

kumpulan yang progresif, demokratik dan menyeluruh dengan menyatukan segala kekuatan pembangkang bersama program yang jelas dan bukan samar-samar. Ini susah dilakukan tetapi bukan mustahil.

Pakatan Harapan yang menjelma daripada Pakatan Rakyat terbukti tidak boleh pakai, dan jika satu penjelamaan baru secara berpura-pura dilakukan antara 3 parti ini dengan wajah baru, sudah tentunya tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia yang semakin celik dalam politik. Oleh itu, kita memerlukan satu inisiatif yang baru untuk membentuk satu gabungan yang baru dan lebih besar. Pemimpin-pemimpin masyarakat madani harus kembali bersama untuk memimpin gerakan ini.

Politik baru ini memerlukan kepimpinan yang dinamik dan pragmatik. Keangkuhan yang ada di

kalangan pemimpin pembangkang harus dibuang ke dalam tong sampah sejarah jika pembangkang tidak mahu hanya menjadi statistik sejarah.

Melawan UMNO-BN dan segala jentera mereka memerlukan satu gerakan nasional dari bawah. Ini memerlukan penglibatan rakyat, input rakyat. Rakyat perlu melibatkan diri secara langsung dalam proses perubahan dan penggubalan agenda masyarakat. Pakatan Harapan dan PAS tidak boleh lagi menganggap diri mereka dapat mewakili kepentingan rakyat, kerana rakyat sudah bosan dengan permainan politik dalam pembangkang.

Satu parti politik dengan sokongan massa hanya boleh dibentuk dan disemai dari bawah dengan sokongan rakyat. Ia tidak boleh dibentuk dari atas dan diselimuti dengan keangkuhan dan ego. ##

Dalam kenangan Shanti (1964 - 2016)

oleh Arutchelvan

Pada 10 September tahun lepas, Ladang Bukit Jalil kehilangan salah seorang pemimpin yang berkarisma, Thiagarajan, satu kehilangan yang amat besar untuk komuniti dan perjuangan Ladang Bukit Jalil. Adanya seorang wanita yang tidak dapat terima pemergiannya. Nama wanita itu adalah Shanti. Shanti memberitahu saya pada masa itu bahawa kematian Thiaga tidak dapat diterimanya. "Beliau tidak boleh meninggalkan kami begitu saja," demikian katanya. Shanti berkata dia akan menanggis jika bercakap tentang Thiaga. Saya cuba pujuknya, tetapi Shanti adalah seorang yang tegas.

Pada 21 Mei yang lalu, saya terima satu panggilan telefon yang luar biasa daripada Kapten Bala pada pukul 10.45 pagi. Suami Shanti, Kapten Bala yang juga merupakan pemimpin Ladang Bukit Jalil, memberitahu dengan sedihnya tentang pemergian Shanti. Shanti meninggal dunia di Hospital Universiti, Petaling Jaya, di mana beliau berjuang untuk kali terakhir, hanya kali ini untuk nyawanya, tetapi beliau mengalah kali ini.

Shanti mendapat strok pada 17 Januari tahun ini. Kejadian itu melumpuhkan sebahagian badannya dan beliau terpaksa menggunakan kerusi roda. Itu adalah sesuatu yang malang. Walau bagaimanapun, penduduk Ladang Bukit Jalil masih memilihnya sebagai Timbalan Pengerusi. Bagi mereka, Shanti akan kembali untuk memimpin mereka. Shanti memang mempunyai semangat dan watak yang tidak dimiliki ramai. Beliau adalah seorang wanita yang berani dan tidak tunduk pada tekanan. Beliau merupakan satu-satunya wanita dalam pasukan 4 orang yang asal dalam perjuangan Ladang Bukit Jalil. Yang lain adalah Thiagarajan, Kapten Bala dan Pengerusi Paramasivam. Shanti berada dalam jawatankuasa bukannya untuk memenuhi kuota wanita, tetapi beliau adalah salah seorang yang paling penting dalam menggerakkan perjuangan Ladang Bukit Jalil. Kesungguhan dan semangatnya untuk

berjuang memang menyebabkan ramai orang terasa malu, termasuklah kaum lelaki.

Empat orang pemimpin tersebut sentiasa bersama dalam perjuangan Ladang Bukit Jalil, walaupun antara mereka pernah banyak kali bertengkar. Secara bersama-sama, mereka berjaya memberhentikan pengusiran ke atas ladang terakhir yang wujud di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mereka berdiri teguh walaupun kalah dalam mahkamah apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggunakan Ordinan Darurat yang zalim untuk mengusir mereka. Mereka terpaksa berlawan dengan samseng-samseng dan ramai di luar sana yang hanya mahu mendapatkan wang mudah. Namun, keempat-empat orang pejuang ini yang berpendirian tegas dalam tuntutan mereka untuk sebidang tanah – 4 ekar untuk rumah mereka. Setakat ini, mereka sudah pun mendapat sebahagian kemenangan dalam hak milik untuk sekolah, kuil dan tanah perkuburan. Perjuangan terakhir yang masih belum selesai adalah 4 ekar tanah untuk rumah mereka.

Hari ini, mereka berempat hanya tinggal dua orang. Shanti telah menyumbangkan masa, wang dan tenaga yang amat banyak dalam perjuangan ini. Apabila penduduk tidak bergerak, beliau akan sentiasa merungut, tetapi sejurus selepas itu, beliau akan bertekad untuk melawan sehingga habis-habisan. Kesungguhannya bersama beberapa orang yang lain, telah memastikan satu-satunya ladang yang tinggal di Lembah Klang ini masih kekal di situ. Perjuangan Ladang Bukit Jalil untuk 4 ekar tanah telah menjadi isu nasional yang diperjuangkan dalam mahkamah, di jalanan dan di Parlimen. Shanti adalah salah seorang yang berjumpa dengan Perdana Menteri selepas mengadakan aksi menduduki ruangan di hadapan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Shanti yang sentiasa kelihatan tenang suka pada warna oren. Beliau sentiasa kelihatan dalam pakaian kemeja-T berwarna oren, sesuatu

Wanita oren

yang melambangkan kesetiaannya terhadap perjuangan HINDRAF. Beberapa kali Shanti memberitahu saya tentang pemimpin yang mengkhianati perjuangan mereka, tetapi beliau akan tetap memakai kemeja-T berwarna oren, kerana beliau pada awalnya bermula sebagai seorang aktivis Hindraf.

Shanti juga menyumbang kepada perjuangan di kawasan yang lain, menjadi inspirasi melalui tindakan dan ucapannya. Shanti berbakat dalam berucap, beliau memberi semangat kepada orang lain. Oleh sebab usahanya, terdapat ramai wanita muda yang muncul dalam perjuangan Ladang Bukit Jalil sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Mereka menyanjung pada Shanti yang sentiasa mendorong dan mencabar mereka untuk mara ke hadapan.

Shanti sering kali berasa kepenatan kerana orang lain yang tidak menunjukkan komitmen, tetapi setiap kali beliau akan mengharunginya dan bangkit semula untuk meneruskan perjuangan. Sikap begini yang ditunjukkan oleh Shanti dan Kapten Bala inilah yang memastikan orang yang lain terus bersemangat dan menggerakkan perjuangan.

Kesihatan Shanti telah melalui pelbagai krisis, begitu juga kehidupannya. Shanti kehilangan emaknya setahun yang lepas, kemudian diikuti dengan Thiagarajan. Beliau tidak begitu sihat tetapi sentiasa dapat sembuh kembali.

Walaupun Shanti menunjukkan sedikit pemulihan selepas strok, tetapi pada 17 Mei yang lalu, beliau dimasukkan kembali ke Hospital Universiti. Imbasan CT mengenalpasti bahawa beliau mengalami satu lagi strok. Doktor tidak menaruh apa-apa harapan, kerana jika beliau sembuh pun tidak akan dapat kembali kepada



normal. Shanti dalam keadaan yang tidak sedar diri. Namun, apabila saya melawatnya, beliau memegang jari saya, dan tendang kakinya. Beliau nampaknya masih bersemangat. Namun, harapan untuk Shanti kembali beraksi akhirnya lesap. Beliau akhirnya meninggalkan kita.

Seperti Shanti yang tidak dapat terima kematian Thiaga, ramai orang hari ini juga tidak dapat terima pemergiannya. Ada orang bertanya pada Kapten Bala, kenapa Shanti dapat strok lagi? Kapten Bala berkata bahawa Shanti selalunya risau tentang perjuangan, beliau risau sama ada dapat berjalan semula untuk menyempurnakan kerja-kerja yang belum selesai dalam perjuangan Ladang Bukit Jalil.

Amat menyakitkan hati saya untuk berfikir bagaimana Kapten Bala akan menempuhi masa depan tanpa Shanti. Shanti adalah tunjang untuk keluarganya, kehidupannya dan juga perjuangannya. Amat sukar untuk membayangkannya.

Pemergian Shanti adalah satu kehilangan yang amat besar. Seorang pejuang telah meninggalkan medan perang tetapi perjuangan masih belum habis. Wanita dalam warna oren ini akan dikenangi. Keberaniannya, pengorbanannya dan perjalanannya tetap akan kita peringati. ##

Ahli Parlimen PSM isytihar harta 8 tahun berturut-turut

Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk kawasan Sungai Siput, telah menjadi satu-satunya wakil rakyat di negara kita yang mengisytihar harta untuk 8 tahun berturut-turut setelah menang dipilih dalam pilihanraya.

Pada 26 Mei yang lalu, Dr. Jeyakumar telah mengumumkan hartanya dan membentangkan laporan kerja untuk setahun yang lepas, dalam satu sidang akhbar khas yang diadakan di Kuala Lumpur.

Adalah menjadi tradisi PSM untuk memastikan wakil rakyat yang dipilih dalam pilihanraya untuk memegang jawatan itu mengisytihar harta secara tahunan dan melaporkan perkembangan kerja-kerjanya sebagai wakil rakyat. Pengisytiharan harta wakil rakyat dan penjawat awam adalah satu amalan ketelusan yang amat penting untuk membina model sosialisme dari bawah seperti yang diperjuangkan oleh PSM.

Pengisytiharan harta yang dilakukan secara tahunan membolehkan rakyat memantau wakil rakyat mereka supaya tidak menyalahgunakan jawatan atau posisinya untuk mengkayakan diri sendiri. Wakil rakyat dipilih oleh rakyat adalah untuk melaksanakan tugasnya berkhidmat untuk rakyat dan menggubal undang-undang yang menjaga kesejahteraan rakyat, bukannya untuk menjadikan diri sendiri atau keluarganya lebih kaya. Jika seseorang itu ingin menjadi kaya raya, boleh melibatkan diri

dalam perniagaan, tetapi jangan sekali-kali melakukannya melalui penguasaannya ke atas jawatan awam ataupun kedudukan politik.

Pembentangan laporan kerja wakil rakyat untuk tatapan umum dan juga mendapatkan maklum balas daripada orang awam, merupakan satu proses pendemokrasian dan memastikan kebertanggungjawaban wakil rakyat terhadap rakyat yang memilih mereka.

PSM juga merupakan parti politik yang pertama di mana semua calon pillihanrayanya mengisytiharkan harta sejak PSM mula melibatkan diri dalam pilihanraya pada tahun 1999. Dr. Jeyakumar bersama-sama dengan 3 orang calon PSM yang lain telah mengisytiharkan harta semasa Pilihanraya Umum ke-13 pada tahun 2008. Jika campur dengan pengisytiharan harta pada PRU-13, Dr. Jeyakumar sebenarnya telah mengisytihar harta untuk 9 tahun berturut-turut.

Semua wakil rakyat yang lain, sama ada Ahli Parlimen atau ADUN, ataupun Ahli Majlis Tempatan yang dilantik secara politik (walaupun sepatutnya dipilih secara pengundian dalam pilihanraya tempatan), patut mencontohi teladan wakil rakyat PSM untuk mengisytihar harta setiap tahun tanpa sebarang alasan.

Setakat ini, hanya ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang yang pernah membuat pengisytiharan harta tetapi bukannya dilakukan secara tahunan.



Maklumat harta yang diisytihar oleh Dr. Jeyakumar Devaraj PSM:

- 1) Sebuah rumah semi-D di Ipoh dengan anggaran harga pasaran RM 150,000.
- 2) 4 buah kereta:
 - Volvo (tahun 1988) – anggaran harga RM 10,000
 - Perodua Kancil – anggaran harga RM 3,000
 - Pajero (1993) – anggaran harga RM 6,000
 - Nissan Sentral (2000) – anggaran harga RM 14,000
- 3) Simpanan bank berjumlah lebih kurang RM 35,000
- 4) Simpanan KWSP berjumlah lebih kurang RM 130,000
- 5) Saham-saham bernilai lebih kurang RM 41,352
- 6) Nilai bonus tunai untuk polisi insurans RM 39,914


Dalam surat angkat sumpah pengisytiharan harta Dr. Jeyakumar, juga dinyatakan pendapatannya sebagai ahli parlimen adalah RM 25,500 sebulan (termasuk elaun-elaun tetap) dan beliau juga mendapat pencen (Kementerian Kesihatan) adalah RM 2,441 sebulan.



EKVE jejeras hutan simpanan

oleh Paranjothi KS

Lebuhraya Lembah Klang Timur atau lebih dikenali sebagai EKVE adalah lebuhraya baru yang masih dalam pembinaan di Lembah Klang sepanjang 39.5 km jaraknya (24.5 batu). EKVE ini bermula dari UIAM Hulu Gombak melalui Ukay Perdana, Ampang, Hulu Langat, bandar Cheras ke Sungai Long di Kajang. Lebuhraya ini adalah sebahagian daripada Lebuhraya Lingkar Luar Kuala Lumpur (KLORR). Pembinaan lebuhraya ini telah dimulakan pada 1 september 2015. Lebuhraya ini akan



mempunyai 5 tol dan kemampuan rakyat untuk membayar harga tol akan menyebabkan kekurangan penggunaan lebuhraya ini seperti yang berlaku pada penggunaan Lebuhraya Guthrie. Kerajaan Selangor beranggapan bahawa dengan pembinaan lebuhraya ini, maka akan mengurangkan kesesakan lalulintas, tetapi mereka tidak menyangka bahawa mereka sedang memusnahkan khazanah negara yang tidak ternilai harganya.

Pelaksanaan pembinaan lebuhraya ini akan merentasi empat kawasan hutan

simpan di Selangor, iaitu Ampang, Bukit Seputeh, Ulu Gombak dan Ulu Langat yang merupakan kawasan tadahan air penting untuk Lembah Klang. Hutan simpan ini semuanya telah diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan lebih 100 tahun dahulu sebelum diwartakan sebagai sebahagian daripada Taman Warisan Negeri Selangor.

Sekiranya lebuhraya ini dibina, maka banyak pencemaran dan kemusnahan akan berlaku untuk Taman Negeri Selangor, iaitu hutan simpanan yang beratusan tahun yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Lebuhraya ini akan memotong kawasan hutan dan ini akan mengakibatkan hakisan tanah, di samping akan mengakibatkan kepupusan tempat tinggal untuk pelbagai flora dan fauna yang

menjadikan hutan simpanan sebagai habitat kepada mereka.

Kawasan Hutan Lipur Ampang yang cukup nyaman dan dingin dengan air jernih mengalir menerusi sungai dari hulu Hutan Simpan Selangor akan terjejas dan menyebabkan kualiti air terjejas. Malah, sumber air yang terjejas ini akan menyebabkan kesengsaraan kepada penduduk di Selangor kerana hutan simpan ini telah menjadi kawasan tadahan air yang paling penting untuk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia membekalkan sebanyak 19 juta liter air bersih setiap hari kepada 9,225 unit pengguna. Pembinaan lebuhraya ini akan menyebabkan penduduk kekurangan air untuk kegunaan harian.

(sambung di m/s 9)

Hentikan shif 12 jam

Majikan patut bertanggungjawab jaga kesihatan & keselamatan pekerja

(Berikut adalah kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, pada 14 Jun 2016.)

Parti Sosialis Malaysia (PSM) mempertikaikan kenyataan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) yang menyatakan bahawa majikan tidak patut dipersalahkan jika pekerja bekerja untuk jangkamasa yang sangat panjang. Shamsudin Bardan, Pengarah Eksekutif MEF, berkata bahawa pekerja sendiri yang meminta untuk bekerja lebih masa, membayangkan seolah-olah majikan tidak ada kaitan langsung dengan isu ini.

Respon MEF adalah merujuk kepada laporan Duta Nepal ke Malaysia, Dr Niranjan Man Singh Basnyat, yang membongkarkan bahawa 70 peratus daripada kematian 461 orang pekerja Nepal di Malaysia pada tahun lalu disebabkan oleh serangan jantung, biasanya semasa mereka tidur. Adalah dipercayai bahawa ini berkemungkinan besar disebabkan pekerja-pekerja tersebut bekerja untuk jangkamasa yang sangat panjang.

Majikan sememangnya perlu bertanggungjawab, kerana kontrak kerja untuk pekerja migran biasanya dengan jelas menyatakan shif kerja 12 jam adalah waktu kerja tetap setiap hari dan bukannya 8 jam. Walaupun pekerja migran dibayar

gaji lebih masa untuk 4 jam yang berlebihan selepas 8 jam pertama mengikut kadar bayaran lebih masa, tetapi mereka didesak mengikut 12 jam kerja yang ditetapkan.

Sekiranya mereka tidak mahu bekerja lebih masa, mereka akan dilabel sebagai pekerja yang tidak produktif, malah permintaan untuk kerja lebih masa tidak akan diberikan kepadanya selepas itu. Oleh kerana gaji yang rendah, kebanyakan pekerja akan memaksa diri mereka bekerja 12 jam sehari, dan juga untuk 7 hari seminggu berturut-turut, supaya gaji mereka mencukupi untuk mereka menghantar wang balik ke kampung halaman mereka.

Oleh kerana kos migrasi ke Malaysia yang tinggi, kebanyakan pekerja telah meminjam wang di negara asal, dengan menggadai tanah dan rumah mereka untuk membayar yuran pengambilan kerja pada ejen. Mereka membuat pelaburan ini dengan harapan mendapatkan gaji yang lumayan di Malaysia.

Tetapi malangnya, selepas tiba di Malaysia, mereka mendapati gaji minimum RM 900 yang dijanjikan itu dikenakan pelbagai potongan seperti levi, sewa rumah, bil elektrik, air dan lain-lain lagi. Pekerja ini langsung tidak menyangkakan bahawa gaji mereka akan berkurang kerana potongan tersebut. Maka mereka mengalami kesukaran untuk menghantar pulang wang yang mencukupi untuk membayar hutang

telah diambil untuk membayar kepada ejen.

Sekiranya mereka gagal membayar hutang ini, keluarga mereka di kampung akan kehilangan rumah dan tanah. Oleh itu, pekerja migran tiada pilihan lain kecuali bekerja 12 jam sehari dan mungkin 16 jam sehari, kadang-kadang untuk 7 hari seminggu, untuk menyelesaikan hutang mereka secepat mungkin.

Majikan patut dipertanggungjawabkan dalam masalah yang dihadapi pekerja migran, kerana mereka telah mempergunakan kelemahan pekerja migran yang dibebani hutang ini, untuk memerah tenaga kerja secara maksimum daripada pekerja migran ini.

Oleh itu, PSM mengecam kenyataan MEF yang tidak bertanggungjawab ini. PSM mengemukakan perkara berikut untuk tindakan secepat mungkin:

1. PSM menuntut pada majikan untuk menghentikan kerja shif 12 jam dengan serta-merta. Majikan harus menawarkan kerja lebih masa hanya sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan produktiviti. Ini harus tertera dengan jelas dalam kontrak pekerja migran. Tidak boleh menggunakan unsur intimidasi untuk memaksa kerja 12 jam sehari.
2. Segera memberhentikan



Niranjan Man Singh Basnyat, Duta Besar Nepal di Malaysia

potongan levi daripada gaji pekerja migran! Levi adalah seperti bayaran cukai yang harus dibayar oleh majikan untuk membawa masuk pekerja migran. Bayaran ini tidak boleh dipotong daripada gaji pekerja.

3. MEF harus memastikan para majikan patuh pada perintah baru gaji minimum RM 1000 yang berkuatkuasa mulai bulan Julai 2016. MEF dan para majikan tidak harus memberi alasan untuk melengah-lengahkan lagi pelaksanaannya.

4. Kementerian Sumber Manusia harus memastikan majikan melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk pekerja dengan perlengkapan kesihatan yang mencukupi di kilang-kilang mereka.

5. Kerajaan harus segera memastikan pekerja migran tidak dibebani dengan yuran pengambilan kerja dan penganiayaan oleh ejen atau syarikat pembekal tenaga buruh. ##

(sambung dari m/s 8)

Hutan Simpan Ampang ini juga menjadi habitat kepada lebih 100 spesies unggas, flora dan fauna termasuk tapir, beruang madu dan harimau bintang. Dengan pembinaan lebuh raya ini, kemusnahan habitat kepada flora dan fauna akan terjadi. Maka, Malaysia akan kehilangan flora dan fauna yang beratusan tahun yang telah menetap di hutan simpanan ini.

Bukan setakat itu, seperti yang kita sedia maklum, Kuala Lumpur mengalami peningkatan suhu yang mendadak dalam 20 tahun yang lepas. Ini jelas dipersetujui oleh pengkaji cuaca domestik dan antarabangsa. Antara sebab peningkatan suhu yang mendadak ini adalah pembangunan yang tidak bertanggungjawab dan penebangan hutan simpan secara berleluasa. Sepatutnya Jabatan Perhutanan Negeri Selangor perlu melindungi hutan simpan kekal ini agar kita tidak

terus melakukan kesilapan lampau yang membawa kesan negatif kepada generasi akan datang.

Hutan Simpan bermakna hutan tersebut perlu disimpan atau dikekalkan untuk kita semua dan untuk generasi yang akan datang supaya menjadi tatapan dan kebanggaan negara mahupun negeri sendiri kerana mempunyai hutan simpanan yang banyak. Hutan simpan ini tidak boleh diterokai, dicero bohi malah pemburuan di hutan simpanan juga adalah dilarang, tetapi kerajaan Selangor dengan sewenang-wenangnya telah meluluskan pembinaan lebuh raya EKVE. Berbeza dengan EKVE, lebuh raya lain yang dibina telah memakan tempat tinggal atau tanah milik persendirian, tetapi EKVE telah memakan hutan simpanan yang sedang menjadi kebanggaan negeri Selangor mahupun kebanggaan negara kita.

Selangor mempunyai banyak

pembangunan dan akhirnya pembangunan ini sedang memakan tanah hutan simpanan kita sendiri. Tetapi hanya kerana kerakusan manusia maka hutan-hutan simpanan di Ampang, Gombak, dan Lembah Klang sedang diancam untuk tujuan pembinaan lebuh raya. Kita sebagai manusia tidak pernah cukup puas, tidak akan bersyukur dan sentiasa akan melakukan sesuatu kerugian yang besar untuk jangka masa yang panjang. Tahniah kepada kerajaan Selangor kerana anda telah melupakan khazanah negara yang dimiliki beratusan tahun. Pembangunan adalah penting tetapi hanya dengan pembinaan lebuh raya tidak akan mengurangkan kesesakan lalu lintas kerana keinginan manusia tidak akan berkurang, maka pembinaan lebuh raya tidak akan berkurang. Tahniah sekali lagi supaya

memperbanyakkan lagi pembinaan dan pembangunan supaya tiada lagi hutan simpanan dijadikan khazanah untuk generasi-generasi yang akan datang. Kemusnahan alam sekitar manusia yang pernah dibuat yang paling teruk terjejas pada masa yang sama menghapuskan warisan hutan utama Selangor. Kerajaan Pakatan telah terbukti menjadi benar-benar jahil tentang suara rakyat, sementara dasar alam sekitar mereka dan janji-janji hanya sesuai untuk dibuang sebagai sisa sekarang. ##



Hadī kejutkan Parlimen



Pada 15 Mei yang lalu, Parlimen Persekutuan dikejutkan dengan usul rang undang-undang (RUU) persendirian yang dibawa oleh Hadi Awang. RUU persendirian yang berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah timbul sekali lagi sebagai perkara terakhir ataupun nombor 15 di atas kertas susunan agenda Dewan Rakyat pada hari itu, iaitu hari terakhir sesi persidangan Dewan Rakyat yang kedua untuk tahun 2016. Usul RUU persendirian yang sama yang dibawa oleh Hadi pernah disenaraikan dalam kertas susunan agenda pada sesi pertama tahun 2015, tetapi tidak dapat dibacakan oleh Hadi. Selepas itu, usul tersebut (yang merupakan antara perkara penting yang memecah-belahkan Pakatan Rakyat) telah hilang daripada kertas susunan agenda Dewan Rakyat sehingga 15 Mei 2016.

Sesiapa di kalangan ahli parlimen pembangkang boleh mengusulkan RUU persendirian, tetapi usul itu hanya dapat dibentangkan selepas semua urusan kerajaan diselesaikan dalam persidangan Parlimen. Pada hari Khamis itu, Azalina Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam Hal Ehwal Parlimen, telah menengguhkan buat sementara semua urusan kerajaan untuk hari itu supaya usul-usul persendirian ahli biasa boleh dibentang. Azalina juga mengusulkan bahawa usul terakhir, iaitu usul RUU persendirian Hadi disegerakan dan dijadikan usul pertama dalam senarai agenda mesyuarat.

Adalah diakui oleh Azalina selepas itu, bahawa beliau berbuat demikian mengikut arahan Perdana Menteri untuk membolehkan pembacaan usul RUU persendirian Hadi. Mengapakah Perdana Menteri membuka ruang untuk Hadi memajukan agendanya 4 minggu sebelum Pilihanraya Kecil (PRK) di dua kawasan di mana UMNO bertembung dengan PAS? Adakah ini usaha PM untuk mengalihkan tumpuan kempen pilihanraya daripada isu 1MDB kepada satu isu yang lain? Atau adakah ianya usaha untuk mewujudkan ketegangan antara Parti Amanah dan DAP?

Isu peranan Islam dalam sistem pentadbiran negara memang merupakan satu isu sensitif yang perlu kita tangani secara berhati-hati jika kita ingin memupuk keharmonian di



kalangan rakyat berbilang agama. Adalah amat mengecewakan untuk menyaksikan Perdana Menteri kita memainkan politik dengan satu isu kontroversi yang berpotensi untuk menyebabkan ketegangan di kalangan masyarakat kita!

Kandungan RUU Persendirian Hadi

Matlamat RUU Persendirian Hadi adalah untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355). Akta ini menyatakan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai kuasa ke atas orang-orang Islam berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan berkaitan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam. Akta 355 ini juga menghadkan hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah kepada penjara selama 3 tahun, denda sebanyak RM5000 dan 6 sebatan.

RUU Persendirian Hadi ingin meminda seksyen dalam Akta 355 berkaitan dengan had-had hukuman dengan seksyen baru yang menyatakan Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan apa sahaja hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang syariah berkaitan kesalahan yang disenaraikan di bawah Seksyen 1 Senarai Negeri selain daripada hukuman mati.

Petikan daripada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan

Perkara-perkara yang berikut adalah di bawah bidang kuasa Negeri: — — — Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam termasuk yang berhubungan dengan pewarisan, pertunangan, perkahwinan, perceraian, nafkah, kesahtarafan, penjagaan, pecah milik dan amanah bukan khairat; — — — ; pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, — — — —

Pada tahun 1993, Negeri Kelantan telah meluluskan Kanun Jenayah Syariah yang menyatakan 6 kesalahan Hudud, iaitu sariqah (mencuri), hirabah (merompak), zina, qazaf (dakwaan zina yang tidak dapat dibuktikan), syurb (minum samsu) dan irtidad

RUU Persendirian Hadi dan Pelaksanaan Hukum Hudud

Kesalahan Hudud	Hukuman yang dinyatakan dalam Kanun Jenayah Syariah Kelantan	Situasi sekiranya RUU Persendirian Hadi diluluskan
Sariqah	Fasal 7: Pemotongan tangan kanan (Jika kesemua 17 perkara yang dinyatakan dalam Fasal 8 tidak wujud) ¹	Tidak boleh dilaksanakan kerana mencuri adalah di bawah Senarai Persekutuan.
Hirabah (Rompakan)	Fasal 10: Hukuman adalah bergantung pada sama ada mangsa dcederakan ataupun dibunuh dan sama ada perkara-perkara di Fasal 8 wujud.	Tidak boleh dilaksanakan kerana merompak dan membunuh adalah di bawah Senarai Persekutuan.
Zina ²	Fasal 13: Untuk orang yang berzina yang pernah berkahwin – direjam sehingga mati Untuk orang berzina yang belum berkahwin – 100 sebatan dan penjara selama satu tahun	Tidak boleh dilaksanakan kerana hukuman mati tidak boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah. Boleh dilaksanakan.
Qazaf	Fasal 18: 80 sebatan (Jika 3 perkara yang dinyatakan dalam 18(2) tidak wujud)	Boleh dilaksanakan.
Syurb	Fasal 22: 40 hingga 80 sebatan	Boleh dilaksanakan.
Irtidad ³	Fasal 23 (3): Penjara untuk satu tempoh masa yang “munasabah” Fasal 23 (4): Rampasan harta orang itu Fasal 23: Hukuman mati	Boleh dilaksanakan. Boleh dilaksanakan. Tidak boleh dilaksanakan kerana hukuman mati tidak boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah.

Nota:
1. Fasal 8 dalam Kanun Jenayah Syariah Kelantan mengandungi 17 perkara yang mengecualikan pencuri daripada hukuman potongan tangan.
2. Kesalahan Zina adalah amat susah untuk dibuktikan. Realitinya adalah, mengikut syarat-syarat Kanun Jenayah Syariah Kelantan (2015), hanya seorang yang sendiri mengaku berzina akan disabit kesalahan ini.
3. Definasi kesalahan Irtidad adalah amat tidak spesifik dalam Kanun Jenayah Syariah Kelantan (2015). Ia berbunyi seperti berikut – (Fasal 23) (1) *Sesiapa secara sukarela tanpa paksaan, dengan sengaja dan disedarinya melakukan apa-apa perbuatan atau mengungkapkan apa-apa perkataan yang menjejaskan atau berlawanan dengan aqidah Islam adalah melakukan Irtidad, dengan syarat bahawa perbuatan itu dilakukan atau perkataan itu disebutkan dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh mana-mana orang atau oleh keadaan.* (2) *Bagi maksud subseksyen (1) apa-apa perbuatan atau perkataan yang menjejaskan aqidah itu ialah perbuatan atau perkataan mengenai atau bersabit dengan perkara-perkara asas yang dianggap mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang Islam sebagai pengetahuan umumnya kerana dia orang Islam seperti perkara-perkara mengenai rukun Islam, rukun Iman dan perkara-perkara halal dan haram.*

(sesuatu yang melanggar Aqidah Islam). Empat daripada enam kesalahan ini dapat dihukum oleh Mahkamah Syariah mengikut hukuman yang dinyatakan dalam Kanun Jenayah Syariah Kelantan jikalau RUU Persendirian Hadi diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Garis Panduan untuk golongan Progresif

Mempercepatkan bacaan Usul RUU Persendirian Hadi di Dewan Rakyat sebelum menjalani proses perbincangan yang menyeluruh di kalangan rakyat adalah suatu tindakan rejim BN yang kurang bertanggungjawab, memandangkan isu ini berpotensi tinggi untuk menyebabkan pertenggaran dan ketegangan antara rakyat kita. Oleh kerana kebanyakan parti politik di negara kita bercenderung untuk bermain politik dengan isu ini, golongan progresif terpaksa bercampurtangan untuk memupuk proses perbincangan yang matang, sambil menghormati satu sama lain, yang secara ikhlas dalam mencapai

satu penyelesaian yang adil untuk semua.

Kami ingin mengesyorkan 5 prinsip yang harus kita patuhi :

1. Kita harus menerima bahawa adalah hak penganut sesuatu agama untuk menentukan bagaimana mereka ingin mengamal agama mereka. Jadi, jika majoriti masyarakat Islam di Malaysia, selepas proses permuafakatan yang komprehensif, memilih untuk mengamalkan Hukum Hudud, masyarakat yang bukan Islam harus menerima pilihan itu.
2. Kita juga harus terima bahawa jika caranya kita mengamalkan agama kita menyentuh kehidupan atau hak masyarakat yang bukan beragama sama dengan kita, masyarakat itu berhak menyuarakan masalah yang dihadapinya dengan harapan masalah itu akan ditangani secara adil tanpa mengambil masa yang lama.

(sambung di m/s 11)

Ulasan buku tentang “Spiritualiti, Fizik Kuantum dan Manusia”

oleh Khaw Seng Hean

Saya jarang membaca karya atau tulisan Dr. Nasir Hashim, termasuk ucapan dasar beliau semasa Kongres Tahunan PSM kerana beliau suka menggunakan perkataan yang berbunga-bunga, lebih bersifat “sastera” sehingga saya bergantung pada *Google Translate* dan *Kamus Dewan Online* untuk memahami tulisannya. Dalam erti kata lain, tahap Bahasa Melayu saya setakat ini masih perlu dipertingkatkan, walaupun secara umumnya masih faham isi kandungan dalam surat rasmi kerajaan dan berita.

Buku karya Dr. Nasir, “Spiritualiti, Fizik Kuantum dan Manusia: Sebuah Monolog”, pada awalnya tidak menarik perhatian saya. Saya membeli buku ini semasa Jamuan Makan Malam Solidariti PSM tahunan daripada gerai Kedai Hitam Putih, kerana buku ini diterbitkan secara terhad dengan hanya 100 naskah dan secara buatan tangan. Saya rasa buat masa ini saya pun tidak akan faham isi kandungan buku ini dan hanya sekadar koleksi peribadi.

Pada Kongres Tahunan PSM yang lepas, saya ingin mendapatkan pandangan kesihatan daripada beliau tentang masalah alergi kulit yang sejak kecil lagi. Beliau memberitahu bahawa sebab utama adalah fungsi paru-paru kurang baik, dan ajar saya bagaimana buat urutan, dan terus kata saya seorang yang senang sedih tapi hati yang keras. Saya terkejut dengan ulasan itu.

Dalam ingatan saya, apabila saya jumpa doktor sama ada doktor perubatan barat/moden atau tradisional, mereka tidak akan

mengulas macam ini. Juga tidak memberitahu secara teliti cara urut atau fisioterapi yang boleh dilakukan diri sendiri kecuali cara pemakanan dan jenis makanan. Dr. Nasir tak erti buat perniagaan lah. Kepelbagaian pengetahuan beliau dalam bidang sains, Sosialisme, Sufisme dan akupunktur, serta pertemuan dengan beliau baru-baru ini mendorong saya membaca buku ini.

Baik saya berbalik kepada ulasan buku ini. Kata pengantar pertama yang ditulis oleh penerbit menyebabkan saya tidak ingin meneruskan bacaan seterusnya. Saya tidak faham perkataan yang ditulis, lepas buat sikit terjemaaahan secara *online*, baru faham makna seluruh ayatnya. Rupa-rupanya penerbit ini bukan Dr. Nasir. Ingat rohnya berada di dalam jasad penerbit semasa menulis.


Sebenarnya rumusan di dalam bahagian terakhir buku telah menjelaskan apa itu Fizik Kuantum. Saya tidak mampu dan tidak ingin mengulang di sini. Apa yang saya ingat di sini adalah, bidang sains, yang lebih tepatnya Fizik Klasik yang disebut dalam buku ini telah diberikan satu darjat yang pantang dicabar oleh orang biasa. Seperti tafsiran Islam hanya boleh dibuat oleh golongan yang tertentu, kalau kamu miskin dan menyebabkan kamu tidak dapat mencapai skema darjat tersebut, tak layaklah kamu membuat komen. Golongan miskin ini, dan kadang kala orang yang berilmu pun terikut-ikut secara membuta-tuli terhadap sesuatu doktrin agama dan bidang sains tanpa mempersoalkannya. Walaupun golongan yang mencabar ini tidak mampu memberikan alternatif yang sempurna.

Saya tertarik dengan sebuah ayat, iaitu “Al-Quran memang sebuah kitab dan padat dan tidak dapat dikuasai oleh sesiapa pun kecuali dengan pengalaman”. Peringatan ini boleh digunakan dalam tafsiran kitab-kitab atau buku klasik falsafah seperti *Das Kapital* dan *The Wealth of Nations*. Ramai cendekiawan hanya duduk di

depan meja dan komputer, berbincang dengan cendekiawan yang sama tahap, tanpa turun padang memperluaskan pengaruhnya, dan berkongsi serta menukar ilmu dan pengetahuan dengan akar umbi bagi membuat perubahan masyarakat pada masa depan. Inilah sebabnya masyarakat telah muak apabila lihat cendekiawan ini sekadar nak mendapatkan lebih banyak pengikut dan peminat yang setia secara membuta-tuli.

Ayat ini juga mengingatkan saya kepada satu perkara: ramai orang mengkritik golongan yang digelar Sosialis tidak memberi alternatif kepada isu alam sekitar. Memang alam sekitar mempunyai daya kuasa yang tidak dapat dihalang oleh manusia tapi kesan ancamannya boleh dikurangkan dengan pelbagai cara. Persoalannya bagaimana ia boleh dikurangkan? Soalan ini hanya tumpu kepada ancaman yang diakibatkan oleh manusia seperti banjir. Saya masih ingat Karl Marx mengulas tentang hubungan golongan buruh dengan alam sekitar, maksudnya lebih kurang macam ini: ketika manusia memotong rotan untuk membina tempat kediaman, tindakan ini sedikit sebanyak telah merosakkan alam sekitar. Bolehkah aktivis menerima aktiviti manusia seperti begini? Aktiviti buruh, termasuk memetik buah-buahan dan menanam sayur-sayuran, memang bertentangan dengan alam sekitar yang mewujudkan makhluk-makhluk ini secara semula jadi. Apa saya faham daripada Karl Marx, adalah mengurangkan aktiviti buruh yang tidak perlu, atau “nilai surplus” yang akan diserapkan oleh golongan pemodal atau kapitalis yang sekadar nak mencari fulus. Maka kerosakan terhadap alam sekitar boleh dikurangkan.


Ada juga kesatuan sekerja yang hanya menjamin peluang pekerjaan tanpa mempertimbangkan kerosakan terhadap alam sekitar, seperti perlombongan bauksit.



Peluang pekerjaan pula diperalatkan menjadi ugutan Ketua Menteri Sarawak kepada pengundi semasa pilihan raya negeri yang lepas, “nak dapat peluang pekerjaan pembalakan, sila undi BN”. Kalau hanya baca ayat ini secara sempit, betul juga apa yang dia kata, tapi perlukah aktiviti pembalakan berleluasa dalam negara ini?

Saya juga terlihat golongan Sosialis sekadar nak salin dan tampal ungkapan “agama adalah candu masyarakat” tanpa memberikan penjelasan (para pembaca tak payah buat carian Google, penjelasan ini boleh didapati dalam buku ini). Tindakan ini boleh merangsang ketidakselesaan kepada golongan masyarat yang bertentangan pandangan (anti-tesis), walaupun bermusuhan tetapi di kalangan mereka boleh tukar minda pada masa depan. Kita perlu meluangkan masa. Aktiviti mengkaji masih diwajibkan supaya kita boleh melangkah ke depan.

Akhir kata, tolong beli buku ini dari Kedai Hitam Putih. (<https://www.facebook.com/Kedai-Hitam-Putih-200375480100417/>)



(sambung dari m/s10)

3. Penyokong RUU Persendirian Hadi harus mengambil tahu sebab-sebabnya masyarakat bukan Islam khuatir terhadap usaha untuk memperluaskan kuasa sistem Syariah. Penyokong Hadi mesti kaji isu-isu yang telah menyebabkan ketakutan ini, umpamanya -
a) Masalah yang dihadapi oleh Indira Gandhi dan beberapa orang wanita lain di mana suami menceraikan mereka, memeluk agama Islam dan menukar agama anak-anak mereka kepada Islam tanpa pengetahuan bekas isteri;
b) Isu Kalimah Allah, di mana perkataan dan istilah yang digunakan oleh agama lain dalam kuil ataupun gereja mereka dikawal oleh institusi Islam, buku suci mereka dirampas dan sebagainya;
c) Kesusahan yang dialami oleh individu yang walaupun dibesarkan sebagai bukan Islam tetapi mempunyai dokumen peribadi yang

menyatakan beliau adalah seorang Islam. Individu yang tersepit dalam situasi ini mengalami banyak masalah dalam menukarkan penafsiran agama mereka.
d) Perampasan mayat seorang yang telah hidup sebagai orang bukan Islam.
Dan lain-lain isu lagi.

Selepas mengkaji isu-isu ini dan mengadakan dialog dengan pihak-pihak yang mengalami masalah ini, cara-cara untuk mengelakkan masalah seperti ini harus diperkenalkan (mungkin ini memerlukan pindaan dalam undang-undang yang sedia ada supaya kelemahan yang menyebabkan masalah dapat diatasi). Usaha ini akan dapat memenangi kepercayaan masyarakat bukan Islam bahawa perubahan yang diinginkan dalam RUU Persendirian Hadi tidak akan menjejaskan mereka.

4. Golongan yang tidak menyokong RUU Persendirian Hadi harus sentiasa mengingatkan pada diri sendiri bahawa “Islamofobia” wujud di seluruh dunia dan sedang diapi-apikan oleh golongan yang berfahaman haluan kanan lampau yang kerap kali juga mempunyai unsur-unsur fasis. Peranan ideologi “Islamofobia” adalah untuk mengelirukan rakyat marhaen terhadap punca-punca sebenarnya masalah ekonomi yang sedang melanda dunia kita. Sistem ekonomi neoliberal yang menindas majoriti rakyat tetapi mengayakan 0.1% yang terkaya hanya dapat dikekalkan jika rakyat biasa dipesongkan dengan ideologi perkauman, Islamofobia dan fahaman ekstremis.

5. Golongan yang menyokong RUU Persendirian Hadi harus mempertimbangkan caranya untuk mengendalikan persepsi orang-

orang beragama Islam yang tidak begitu sokong penafsiran Islam yang dibawa oleh pihak Hadi. Adakah pendekatan autoritarian di mana yang tidak begitu sokong dipaksa mengikut arahan Ulama itu adalah kaedah terbaik untuk masyarakat Islam? Ataupun adakah pendekatan berdialog, memujuk dan mendidik, adalah kaedah yang harus diterimapakai?

Golongan progresif yang percaya pada kematangan dan kebijaksanaan rakyat biasa harus menganjurkan sesi-sesi dialog dan cuba mempertingkatkan taraf perbincangan berkenaan dengan isu ini. Perbezaan pandangan memang akan wujud dalam mana-mana masyarakat majmuk. Tetapi, perbezaan ini dapat dikendalikan jika semua pihak mempunyai keyakinan bahawa mereka akan dilayani secara yang adil dan hak mereka akan dipelihara. ##

Solidariti untuk perjuangan rakyat Papua New Guinea

Hentikan keganasan terhadap pelajar yang berprotes

Wakil daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM), Pemuda PSM dan beberapa organisasi lagi telah menyerahkan satu memorandum kepada Suruhanjaya Tinggi Papua New Guinea (PNG) di Kuala Lumpur pada 10 Jun yang lalu, demi menyuarkan bantahan terhadap kezaliman yang dilakukan oleh kerajaan PNG ke atas para demonstran di negara itu yang berprotes menentang korupsi pemimpin negaranya.

Pada 8 Jun yang lalu, dilaporkan pihak polis PNG telah melepaskan tembakan ke atas pelajar yang berarak dari kampus Universiti Papua New Guinea ke bangunan Parlimen di Port Moresby, ibu negara PNG. Perarakan tersebut adalah protes membantah Perdana Menteri PNG, Peter O'Neill, yang terlibat dalam skandal korupsi. Ramai yang cedera dalam kejadian tembakan dan keganasan polis ke atas demonstran.

O'Neill dipercayai telah menyalahgunakan dana awam berjumlah USD 31 juta dan satu waran tangkap telah dikeluarkan ke atasnya pada tahun 2014. O'Neil bukan sahaja mengelakkan diri daripada ditangkap, malah membubarkan badan anti-korupsi yang menuduhnya, dan memecat beberapa orang pegawai tinggi polis. Tindakannya yang cuba menutupi skandal korupsi itu telah mencetuskan gelombang protes di PNG. Pelajar-pelajar yang berprotes

menuntut supaya O'Neil meletak jawatan.

Dalam memorandum yang diserahkan kepada Suruhanjaya Tinggi PNG di Kuala Lumpur, organisasi masyarakat di Malaysia telah menyeru pada kerajaan PNG supaya:

- memberhentikan tindakan ganas ke atas protes pelajar.
- membentuk satu badan penyiasat yang bebas untuk menyiasat keganasan polis.
- menggantung jawatan Perdana Menteri untuk membolehkan penyiasatan yang bebas dapat dijalankan ke atas tuduhan korupsi terhadap O'Neil.

PSM, Pemuda PSM dan organisasi-organisasi masyarakat di Malaysia juga menyuarkan solidariti mereka kepada perjuangan rakyat PNG dalam menentang pemimpin politik yang korup.

Keberanian dan ketekadan yang ditunjukkan oleh anak-anak muda di PNG juga menjadi inspirasi untuk rakyat Malaysia dalam meneruskan perjuangan kita menentang rejim yang penuh dengan kerakusan dan kezaliman.

Organisasi yang menyokong memorandum kepada Suruhanjaya



- PNG pada 10 Jun 2016:
1. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
 2. Pemuda PSM
 3. Serikat Mahasiswa
 4. Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya
 5. Legasi Mahasiswa Progresif
 6. Mahasiswa keadilan UNISEL
 7. University of Malaya Association of New Youth (UMANY)
 8. Student Unity Front (SUF)
 9. Siswa Progresif (Sispro)
 10. Progressive University of Malaya
 11. TMUUM
 12. Student Progressive Front UUM

13. Malaysia Youth & Student Democratic Movement (DEMA)
14. Mahasiswa AMANAH
15. Jaringan Rakyat Tertindas - JERIT (JERIT)
16. Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP)
17. Sahabat Rakyat
18. Malaysia Tamil Neri Kalagam
19. Persahabatan Semparuthi
20. Hindu Right Action Force (HINDRAF)
21. Persatuan Tamil Neri Malaysia
22. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)

15 demonstran prihatin berjaya "menundukkan" Pesuruhjaya Tinggi PNG

oleh Nik Aziz Afiq Bin Abdul (AJK Pemuda PSM)

Berikutan dengan tragedi tembakan pihak polis ke atas pelajar yang berdemonstrasi di Port Moresby, Papua New Guinea baru-baru ini, maka kami daripada beberapa pertubuhan badan mahasiswa, anak muda, NGO serta parti politik telah hadir ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Papua New Guinea pada 10 Jun bagi menyatakan kekesalan sekaligus membantah sekeras-kerasnya insiden itu.

Kami melihat insiden itu merupakan sebuah pelanggaran hak asasi manusia yang jelas dan kami yakin ini adalah satu kesalahan jika kami mengambil sikap berdiam diri.

Maka, dalam waktu yang begitu singkat dan penuh tergesa-tergesa, kami hanya sempat mendapatkan persetujuan daripada 21 badan pelajar, NGO dan parti politik untuk bersepakat menyokong tuntutan memorandum.

Oleh kerana tarikh hari ini dipilih dan dimaklumkan dalam keadaan mengejut, maka sekitar 15 orang sahaja demonstran yang dapat melibatkan diri.

Terharu melihat beberapa pimpinan

pelajar bergegas hadir, ada beberapa orang yang bekerja mengambil cuti kecemasan, cuti separuh hari, ada mahasiswi yang sanggup hadir sekalipun bakal menduduki peperiksaan penting selepas berakhir program ini, dan juga beberapa pimpinan parti politik yang ada antara mereka memecut hadir menaiki motor 'kapcai' dari jauh.

Semua ini lain tidak bukan kerana dorongan rasa kemanusiaan yang tinggi kepada apa yang berlaku sekaligus membuatkan kami merasai persamaan dengan rakyat PNG.

Hasil kekuatan semangat daripada demonstran berjumlah kecil ini melakar sejarah apabila Pesuruhjaya Tinggi PNG sendiri hadir ke depan pagar dan menjemput dua orang wakil bagi berbincang di dalam kediaman beliau.

Berbeza dengan himpunan di kedutaan lain yang hanya menghantar wakil kedutaan semata-mata, nampaknya teriakan "Hidup Rakyat Papua" dan "Down Down Peter O'Neil" berjaya memberikan desakan cukup kuat sehingga perlu diterima terus daripada Pesuruhjaya Tinggi sendiri.

Dua orang wakil yang dibawa untuk

taklimat ringkas merupakan Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia, saudara Sivarajan dan Presiden Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya, saudara Wafiuddin Rosli.

Hasil perbincangan ringkas itu, wakil kami dimaklumkan bahawa insiden itu "tidak benar". Kecewa mendengar kenyataan yang bercanggah dengan portal-portal media antarabangsa yang berkredibiliti tersebut, maka wakil kami telah mencabar kerajaan PNG untuk mengeluarkan kenyataan balas dan menafikan secara umum jika benar tragedi itu tidak berlaku.

Sejurus wakil kami keluar, kami juga menamatkan acara dengan mengucapkan tahniah kepada Pesuruhjaya Tinggi PNG. Harapan kami sebagaimana beliau mewakili kerajaannya sudi mendengar luahan kami, maka kami berharap amalan sama dapat dipraktikkan di negara beliau sendiri dan suara rakyat tidak dihalang dengan jalan penindasan.

Juga seruan kami kepada

mahasiswa-mahasiswi, pelajar di Malaysia untuk mencontohi keberanian rakan-rakan kita yang sanggup berkorban di sana demi membawa negara ke arah lebih baik. Penyertaan suara golongan pelajar dalam perjalanan negara adalah cukup penting dan perlu diambil serius serta digalas penuh sedar.

Terima kasih pada semua rakan media dalam dan luar negara, juga kepada pasukan polis yang memberikan layanan baik dan mesra. Semua yang menyumbang kepada kejayaan sejarah yang dilakar hari ini.

Sekian terima kasih. Salam Perjuangan! ##



Protes pelajar di PNG menuntut PM letak jawatan.

Tragedi yang lebih besar daripada penembakan di Orlando

Bukankah kemanusiaan itu sejagat?

oleh Nik Aziz Afiq

Seperti ramai orang, saya juga terdiam dan kaku sebentar apabila membaca berita berkenaan tragedi pembunuhan dahsyat di Orlando, Amerika Syarikat.

Seperti kebanyakan orang juga persoalan terbesar timbul adalah “apa sudah jadi dunia sekarang?”

Kejahatan makin hari makin melampau dan sering menggugat ketenangan kita dengan cara-cara baru yang cukup menjelikan dan mengejutkan.

Namun apa yang lebih membuatkan saya tergamam adalah bagaimana masyarakat kita sendiri memberikan respon terhadap isu ini.

Bagi saya ini merupakan tragedi lebih dahsyat berbanding Orlando itu sendiri.

Saya jangkakan masyarakat kita yang kononnya dikenali sebagai prihatin dan berbudi bahasa akan menyatakan bantahan dan simpati besar-besaran seperti apa yang berlaku di Gaza, Syria, Mesir, Rohingya, Tak Bai, Paris, Ambon dan pelbagai tempat yang berlaku tragedi di seluruh dunia yang kita berkabung untuknya.

Tapi itu tidak berlaku kali ini. Kemanusiaan yang kononnya ada pada diri kita tersekat hanya kerana mangsa yang terkorban dalam peristiwa dahsyat ini adalah di kalangan gay.

Hanya kerana kebencian kita pada gay, kita sanggup membuang kemanusiaan itu sejauh mungkin.

Masyarakat kita sama ada mengambil posisi mendiamkan diri dan tak kisah atau lebih parah meraikan pembunuhan itu.

Entah di mana hilang kewarasan akal dan empati bila tergamak bersetuju dengan pembunuhan ini.

Katanya golongan gay memang tak layak hidup dan wajar dibunuh.

Apa masyarakat kita sedang menuju ke arah menjadi Tuhan untuk

menentukan siapa patut hidup dan siapa patut mati?

Meskipun ada doktrin agama yang membincangkan kesalahan bagi gay atau homoseksual itu tidak bermakna mereka boleh dibunuh sesuka hati seakan tak ada nilai.

Tidak ada agama yang mengajar pembunuhan boleh dilakukan sewenang-wenangnya, malah semuanya menyokong pencabutan nyawa wajib melalui proses perbicaraan yang adil, bukan boleh dibuat ikut mood penganutnya.

Isu pokok yang lebih besar adalah pembunuhan, bukan siapa yang terbunuh.

Namun tahap kesedaran masyarakat kita ialah melihat dulu siapa yang terbunuh.

Jika logik ini digunapakai, maka apa perlunya kita raih simpati seluruh masyarakat dunia terhadap isu Palestin misalnya? Boleh sahaja mereka membiarkan dan tidak ambil peduli kerana yang terbunuh adalah Muslim.

Apa perlunya mereka membantah sama sedangkan mereka bukan Muslim?

Inilah kedangkalan berfikir orang kita, bila isu Palestin ingin dilobi pada masyarakat bukan Muslim, kita mengajak mereka bersepakat atas nama kemanusiaan; namun bila isu kemanusiaan sama timbul pada mereka bukan Muslim, kita ambil sikap lepas tangan.

Tidakkah ini menjijikkan?

Bukan bermakna bila anda mengecam pembunuhan Orlando, maka anda menjadi homoseksual tiba-tiba.

Itu sangat mengerut. Juga tidak bermaksud dengan bantahan terhadap pembunuhan ini



menunjukkan anda bersetuju dengan gay.

Kecam dan bantahlah atas satu persamaan yang Tuhan ciptakan pada anda dan mereka, iaitu sebagai manusia.

Mereka ada keluarga, ada ibu bapa yang trauma melihat anak yang

dibesarkan selama ini terbaring dalam keranda.

Letakkan diri anda di tempat keluarga mereka, orang-orang yang merasai kehilangan mereka, rasakan kepedihan itu dan bersuaralah sebagai suara manusia waras yang cintakan keamanan dan inginkan keluarga anda sendiri tidak hidup dalam terancam.

Pemuda PSM, mengecam segala bentuk penindasan dan tidak akan reda dengan kezaliman walau di mana ia berlaku.

Simpati dan takziah kami buat seluruh keluarga dan kenalan mangsa Orlando.##

PSM lancarkan Hotline aduan pemberhentian kerja

Syarikat muflis? Pengurangan pekerja? Diberi VSS? Syarikat pindah? – Mengadu kepada kami! Sejak kebelakangan ini, banyak syarikat memberhentikan pekerja secara besar-besaran dengan alasan syarikat muflis, pindah syarikat ke tempat/negara lain atau membuat pengurangan pekerja. Mengikut statistik kerajaan, pada tahun 2014, seramai 25,917 pekerja diberhentikan, dan angka ini meningkat ke 38,499 pada tahun 2015 (peningkatan lebih dari 45%). Manakala pada tahun ini, bulan Januari sahaja seramai 5,009 pekerja telah diberhentikan.

Apabila pekerja diberhentikan, hampir 90% syarikat tidak

melaksanakan faedah penamatan kerja seperti termaktub dalam Akta Kerja 1955. Syarikat membuat pemberhentian secara tiba-tiba tanpa memberi notis awalan, tanpa mengikut peraturan “Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan” dan tidak patuh pada undang-undang syarikat. Rakyat kita perlukan “Tabung Pemberhentian Kerja”!

Oleh yang demikian, PSM melancarkan hotline bagi pekerja yang mengalami nasib sebegini untuk panggil dan membuat aduan. PSM bersedia bersama anda dalam memperjuangkan hak anda. Berikut adalah Hotline Aduan di seluruh Malaysia.

Telefon / SMS / Whatsapp untuk bantuan atau pertanyaan

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	010-2580455
Selangor	016-4407422
Perak	018-4633500
Pulau Pinang	019-5669518
Kedah	017-5824532
Pahang	019-5696964
Negeri Sembilan	012-2414351
Melaka	016-3963459
Johor	017-7540597
Kelantan	013-9701934
Terengganu	013-9398975

atau hubungi Biro Pekerja PSM
Tel: 010-2402159 E-mel: jani6028@yahoo.com
Facebook: Tabung Pemberhentian Kerja



Kebanyakan negara di dunia mempunyai “Tabung Pemberhentian Kerja” sebagai jaminan keselamatan sosial bagi pekerja yang hilang kerja.

Dalam keadaan syarikat bankrap, maka tabung ini akan membantu pekerja untuk selesaikan faedah penamatan kerja serta elaun munasabah sehingga seseorang pekerja mendapat kerja baru.

Tetapi di Malaysia, kita tidak mempunyai undang-undang ini.

Maka, PSM bersama kaum pekerja di Malaysia menuntut kepada Kerajaan untuk melaksanakan “Tabung Pemberhentian Kerja” sebagai hak asasi bagi pekerja Malaysia.

Perjuangan Mogok Klang 1941

(Bahagian 1)

oleh Saminathan Munisamy

Lazimnya sambutan Hari Pekerja di negara kita sering dikaitkan dengan sejarah perjuangan golongan proletariat di Barat. Seringkali ini menjadi alasan untuk golongan anti-Barat dan fundamentalis yang bertanggapan bahawa golongan pekerja di Malaysia mudah dipesongkan akidahnya kerana terlalu bergantung dan “pandang barat” terutama apabila kita berbicara topik perjuangan golongan pekerja untuk hak asasinya. Malah kita seakan-akan dilihat bagai ketandusan modal dan terpaksa mencedok insiden-insiden perjuangan berdarah yang berlaku di Barat untuk menjustifikasikan sambutan Hari Pekerja di negara kita.

Tanggapan negatif inilah yang menyebabkan saya teruja untuk membuka kembali lembaran sejarah perjuangan pekerja di negara kita. Sayang sekali, banyak perjuangan pekerja di negara kita telah dilabelkan oleh pemerintah sebagai aktiviti-aktiviti subversif golongan komunis. Selain daripada menyifatkan tahun 1946 and 1947 sebagai “*the troubled years*” (tahun-tahun yang bermasalah), British juga melabel and mengkategorikan pemimpin-pemimpin buruh seperti P.Veerasesan and C.S.K. Murthy sebagai ejen komunis walaupun pada hakikatnya perjuangan mereka benar-benar berlandaskan hak asasi dan bukan untuk kepentingan Parti Komunis Malaya sama sekali.

Justera, terpaksa saya menyingkap perjuangan pekerja yang berlaku sebelum Perang Dunia Kedua yang tidak dicemari dengan tohmahan dan pengaruh komunis. Maka, hanya satu perjuangan sahajalah yang dapat saya utarakan dalam tulisan ini, iaitu perjuangan pekerja ladang getah di Selangor yang berlaku pada tahun 1941, yang dikenali dengan nama “*The Klang Strike 1941*” – Mogok Klang 1941. Malah British sendiri mengakui bahawa mogok ini bebas daripada sebarang pengaruh komunis setelah segala usaha untuk mengkaitkan perjuangan ini dengan elemen komunis gagal.

Walaupun ramai yang berpendapat bahawa Mogok Klang 1941 tidak boleh menjadi sebagai kayu pengukur untuk melahirkan aspirasi perjuangan pekerja di negara kita, kerana ianya hanya melibatkan satu kaum tertentu sahaja, namun pengkaji sejarah Tai Yuen dalam tulisannya “*Labour Unrest In Malaya, 1934 - 1941 - The Rise of the Workers' Movement*”, menyifatkan mogok ini sebagai yang terbesar, terancang, tersusun dan paling militan yang pernah dilihat oleh British. British di Malaya tidak pernah menyangka kaum proletariat imigran India yang diperlakukan sebagai hamba mampu bangun menentang kezaliman. Mereka berorganisasi, membentuk kesatuan pekerja dan bermogok untuk memperjuangkan nasib mereka. Yang paling menarik adalah, ramai antara pemimpin kesatuan ini terdiri daripada golongan muda kelahiran tempatan yang

berumur antara 15 sehingga 20 tahun. Semasa perundingan dengan golongan kapitalis pemilik ladang, golongan ini amat jelas dan tidak berganjak daripada pendirian dan tuntutan mereka. Mereka dikatakan “panas baran” dalam berurusan dengan golongan majikan kerana tidak dapat lagi menanggung penderitaan di bawah rejim kapitalis pemilik ladang.

Sebelum kita berbicara terus tentang mogok ini, adalah penting untuk memahami pembentukan dan peranan Kesatuan India Daerah Klang (*Klang District Indian Union* - KDIU) dalam mogok ini. KDIU ditubuhkan pada 22 Julai 1939 hasil usaha dua individu yang sering kali disebut nama mereka, iaitu R.H Nathan dan Y.K Menon. R. Halashiya Nathan yang berasal dari selatan India berhijrah ke Malaya pada tahun 1936 semasa usianya 24 tahun. Beliau tinggal bersama abangnya, seorang jurubahasa di mahkamah di Klang. Pada tahun 1937, beliau mula bekerja sebagai kerani di *Paterson & Simons* di Port Swettenham (Pelabuhan Klang). Walaupun Nathan merupakan penyokong tegar Pergerakan Dravida atau dikenali dengan *Self-Respect Movement* di India, namun beliau meninggalkan pergerakan tersebut untuk menyertai pergerakan sosialis dalam Kongres Nasional India (*India National Congress*). Berikutan pemecatan R.H. Nathan pada Mac 1940 dari *Paterson & Simons* kerana propaganda sosialisnya, Nathan menyertai akhbar *The Singapore Herald* seketika sebelum menjadi Penolong Editor dengan akhbar *Tamil Nesan*.

Y. Kesava Menon pula merupakan kerani di sebuah ladang dan aktif dalam kegiatan komuniti pekerja India di Selangor. Beliau bersama Nathan juga terlibat dalam mogok kesatuan pekerja Keretapi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1939. Nathan and Y.K Menon merupakan ahli Persatuan Pusat India Malaya atau *Central Indian Association of Malaya* (CIAM).

CIAM yang dibentuk pada tahun 1937 adalah organisasi induk bagi banyak kesatuan seperti KDIU dan aktif di kalangan orang India di Klang. Sejak penubuhannya, CIAM didominasi oleh golongan profesional seperti peguam, doktor, ahli perniagaan, penjawat awam dan lain-lain. Sebelum kemunculan Nathan and Menon di arena perjuangan golongan pekerja ladang, CIAM hanya dilihat sebagai satu kelab eksekutif untuk golongan profesional. Tanggapan ini berubah apabila Nathan and Menon bergiat aktif membentuk kesatuan-kesatuan pekerja di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka sekitar tahun 1939 dan 1940 di bawah naungan CIAM. Dengan pekerja ladang menghadapi masalah gaji, ketiadaan kemudahan air bersih, tanpa bantuan perubatan, persekitaran yang daif dan terasing, CIAM semakin menonjol dan lantang dalam mempersoalkan keadaan orang India yang dieksploitasi oleh golongan kapitalis. Walaupun pada lewat tahun 1940, Penguatkuasa Buruh Malaya, C.Wilson melihat CIAM sebagai orang tengah yang mampu membawa penyelesaian kepada masalah pekerja India di ladang, Kesatuan Peladang Bersatu Malaya – *United Planters Association Malaya* (UPAM) semakin

risau dengan campurtangan CIAM dalam urusan pekerja ladang.

Dari tahun 1933 hingga 1936, harga getah melonjak tinggi sebanyak 250 peratus ekoran perkembangan industri automobil di Amerika Syarikat. Permintaan getah juga tinggi dalam industri berat di Eropah pada awal tahun 1939. Berikutan mogok di kalangan pekerja ladang Cina pada sekitar tahun 1937, UPAM sudah mula celik terhadap pekerja yang mahukan perubahan. Pekerja ladang India tidak ketinggalan dalam bermogok secara sporadik pada akhir tahun 1940 dan awal 1941 apabila akhbar Tamil memuatkan berita keuntungan yang tinggi yang dikaut oleh kapitalis hasil jualan getah. UPAM yang hanya bermatlamat untuk mengaut keuntungan terpaksa bersetuju pada Januari 1941 untuk menaikkan gaji 50 sen kepada 55 sen untuk pekerja lelaki dan 40 sen kepada 45 sen untuk pekerja wanita berkuatkuasa 1 Februari 1941.

Kenaikan gaji ini tidak membawa sebarang makna akibat inflasi dan kenaikan harga barangan keperluan ekoran permintaan getah tinggi. Malahan, gaji ini tidak setimpal dengan gaji yang dibayar kepada pekerja Cina, iaitu sebanyak 65 sen. Rata-rata pekerja tidak berpuashati dengan kenaikan yang diberikan UPAM.

Sedangkan golongan pekerja tidak berpuas hati dengan gaji mereka, pada Januari 1941, seorang penoreh getah bernama Vellayan dari Ladang Midlands telah diberhentikan kerja kerana enggan melakukan kerja lebih masa. Vellayan juga merupakan Setiausaha Kesatuan Pekerja Ladang Sungai Rasau yang merupakan salah satu cabang KDIU. Pada 2 Februari 1941, setelah bertemu dengan Vellayan di Ladang Midlands, R.H Nathan dan jawatankuasa KDIU memutuskan tindakan mogok sebagai membantah pemecatan Vellayan.

Pada 3 Februari 1941, Vellayan telah dipanggil untuk diberi gaji tetapi Vellayan bertegas enggan menerima gaji dan meninggalkan ladang tersebut. Justeru itu, pada keesokan harinya, seramai 300 pekerja Ladang Midlands daripada West Division bermogok sebagai menyokong tindakan Vellayan. Surat protes telah dihantar kepada ejen Kerajaan India di Malaya, Penguatkuasa Buruh Malaya (*Controller of Labourers*) dan pihak Pengurusan Ladang Midlands. Nathan and Menon telah dilaporkan menemui pekerja pada waktu malam. R.K Thangiah, seorang lagi aktivis, membantu Nathan dan Menon dalam menguruskan bantuan kewangan untuk pekerja yang mogok. Pekerja menerima \$20 daripada *Klang Rubber Manufacturing Workers Association* dan beras daripada pekerja ladang yang berhampiran. Walau bagaimanapun, mogok ini hanya bertahan sehingga 12 Februari 1941.

Selepas mengkaji kekuatan dan



kelemahan mogok di Ladang Midlands, pada 13 Februari 1941, Nathan mengadakan perjumpaan dengan Vellayan bersama 60 pekerja ladang Midlands. Nathan berpendapat bahawa, untuk melumpuhkan kapitalis, mogok perlu dilancarkan secara serentak. Nathan juga berpendapat bahawa setiap ladang mesti diwakili oleh satu jawatankuasa yang mempunyai kuasa untuk mengambil keputusan semasa berunding dengan pihak majikan. Dalam perjumpaan itu, Nathan dan Menon memformulasikan tuntutan yang bakal dijadikan wadah perjuangan pekerja di semua ladang di Selangor.

Tuntutan-tuntutan itu adalah:

1. Pembayaran gaji sama dengan pekerja ladang kaum Cina.
2. Penyingkiran kakitangan ladang Tamil Ceylon (Sri Lanka) and Malayalee yang agresif dan “brutal”.
3. Pendidikan untuk anak pekerja.
4. Gangguan seksual kakitangan ladang terhadap golongan pekerja wanita perlu dihentikan.
5. Bantuan perubatan.
6. Penutupan kedai todi.
7. Kebebasan untuk bersuara dan berkumpul.
8. Bebas bertemu dengan rakan dan saudara mara di luar kawasan ladang.
9. Pekerja tidak harus turun daripada basikalnya semasa melalui di hadapan kakitangan ladang.
10. Pemansuhan waktu kerja 10 hingga 12 jam sehari.
11. Pekerja yang mengadu tentang masalah kerja tidak harus dijadikan mangsa dan dihukum.
12. Kebenaran untuk membentuk kesatuan atau persatuan untuk mewakili kepentingan pekerja.

Dalam perjumpaan itu juga, Nathan berasa khuatir dan meramal mungkin ditangkap oleh kerajaan. Beliau meminta agar pekerja terus berjuang sekiranya Nathan dan Menon diberkas. Katanya, “*Menon dan saya mungkin akan ditangkap, kami pasti. Sekiranya kami ditangkap, kalian perlu teruskan mogok sehingga kami bebas.*”

Pada 18 Februari 1941, satu lagi perjumpaan diadakan oleh KDIU dan dihadiri oleh pekerja dari Ladang Morton, Tanah Bahru, Bukit Kamuning and Damansara. Keputusan diambil untuk menghantar 12 tuntutan tersebut kepada semua pengurus ladang di Lembah Kelang. Sekiranya tuntutan ini ditolak, maka pekerja akan melancarkan mogok.

(akan bersambung dalam edisi akan datang)



Kapitalisme Monopoli

Walaupun ekonomi kapitalis digerakkan oleh persaingan, tetapi apabila modal semakin tertumpu dalam tangan kapitalis industri yang terlibat dalam pengeluaran komoditi, wujudnya pelbagai bentuk persetujuan monopoli antara kapitalis-kapitalis untuk memusatkan modal dan memastikan keuntungan yang berterusan, seperti:

- Mewujudkan kartel ataupun sindiket dalam sektor industri tertentu, di mana pesertanya (syarikat-syarikat) mengekalkan kebebasan untuk beroperasi sebagai syarikat yang berasingan.
- Mewujudkan amanah ataupun penggabungan syarikat, di mana syarikat-syarikat yang bergabung akan memindahkan kuasanya kepada lembaga pengarah syarikat yang digabungkan itu.
- Menubuhkan konsortium atau syarikat saham, di mana kapitalis besar menguasai syarikat dan sektor industri sebagai pemegang saham utama.

Selain sektor industri, penumpuan dan pemusatan modal juga berlaku pada sektor perbankan.

Fungsi utama bank dalam sistem kapitalis adalah meminjam wang kepada syarikat-syarikat (yang menjalankan aktiviti pengeluaran komoditi). Apabila pemusatan modal kewangan mencapai ke tahap yang tinggi dalam sektor perbankan, segelintir kecil bank gergasi akan memonopoli pinjaman. Ini bermakna bank-bank gergasi ini bukan lagi menerima secara pasif faedah modal yang dipinjamkannya dan menunggu pemulangan pinjaman yang tamat tempohnya. Bagi bank yang meminjam wang kepada syarikat-syarikat yang menjalankan bisnes yang lebih kurang sama, ia perlu memastikan syarikat itu dapat bertahan dan mempunyai kebolehan untuk membayar balik pinjaman. Maka, bank ini akan mencampurtangan dalam mendorong (ataupun memaksa) penumpuan dan pemusatan industri. Pendekatan yang pro-aktif oleh bank adalah menggalakkan penggabungan syarikat, dan adakala

juga menggunakan monopoli kredit untuk mendapatkan sebahagian modal syarikat besar sebagai syarat untuk meminjam keluar wangnya. Inilah caranya modal kewangan dibangunkan.

Modal kewangan adalah modal bank yang menembus masuk ke dalam sektor industri dan mendominasi sektor industri itu.

Kapitalis monopoli berkembang daripada korporat yang menguasai bank, institusi kewangan lain (seperti syarikat insurans), syarikat gergasi (dalam sektor perindustrian dan pengangkutan), rangkaian kedai-kedai francais dan sebagainya pada masa yang sama.

Kemunculan monopoli, tidak bermakna persaingan kapitalis itu telah dihapuskan. Ini juga tidak bermakna setiap sektor industri dikuasai penuh oleh sebuah syarikat sahaja. Dalam keadaan monopoli, persaingan biasanya tidak lagi berlangsung dengan kaedah pengurangan harga. Syarikat monopoli dapat memperoleh keuntungan yang jauh lebih lumayan daripada syarikat bukan monopoli. Persaingan antara syarikat monopoli biasanya akan menggunakan pendekatan selain daripada penurunan harga, misalnya pengurangan kos atau penggunaan teknik pengiklanan. Kadang-kadang dalam situasi yang luar biasa, kaedah "perang harga" (iaitu mengurangkan harga secara berterusan supaya pesaingnya juga akan berbuat demikian sehingga mematikan pesaingnya) juga akan digunakan.

Apabila penumpuan modal mencecah tahap di mana hanya tinggal beberapa syarikat gergasi sahaja dalam sesuatu sektor industri di dunia, syarikat-syarikat gergasi itu boleh menubuhkan kartel antarabangsa untuk membahagikan pasaran sesama sendiri.

Syarikat monopoli mengawal pasaran, dan hanya boleh

Makna beberapa istilah yang berkaitan:

Kartel (cartel): Persetujuan yang dicapai antara syarikat-syarikat yang bersaing untuk mengawal harga ataupun mengecualikan kemasukan pesaing lain ke dalam pasaran. Syarikat yang bergabung dalam kartel masih mempunyai kebebasan untuk beroperasi secara sendiri. Kartel merupakan bentuk monopoli yang paling biasa.

Sindiket (syndicate): Kumpulan yang dibentuk oleh beberapa syarikat korporat yang mempunyai kepentingan bersama dalam pasaran (tetapi biasanya bukan pesaing secara langsung). Syarikat besar mewujudkan sindiket untuk memperkuat kedudukannya dalam pasaran. Ini merupakan bentuk monopoli yang lebih stabil berbanding kartel, tetapi syarikat yang menganggotainya kehilangan kebebasannya dalam urusniaga.

Amanah (trust): Istilah yang digunakan untuk merujuk pada syarikat besar yang memonopoli pasaran di Amerika Syarikat khususnya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Ini merupakan bentuk monopoli yang lebih tinggi, di mana syarikat-syarikat yang berkaitan rapat dalam pengeluaran bergabung menjadi sebuah syarikat raksasa, sehingga syarikat yang menganggotainya kehilangan kebebasan dan menjadi pemegang saham dalam syarikat gergasi.

berkembang dengan menghadkan pengeluaran. Ini juga akan menghadkan pertumbuhan pengumpulan modal. Namun, syarikat monopoli ini memegang modal yang sangat banyak, kerana keuntungan yang sangat lumayan hasil daripada monopolinya. Ini mewujudkan satu fenomena yang khas dalam era kapitalis yang mencapai peringkat imperialis, iaitu golongan monopoli di negara-negara kapitalis yang maju mempunyai modal berlebihan dan mereka terdesak untuk mencari tempat pelaburan yang baru untuk modal berlebihan itu.


Pengeksportan modal menjadi satu

ciri khas dalam zaman imperialisme. Modal berlebihan yang dimiliki oleh kapitalis monopoli dieksport ke negara lain, dan mendapat keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan keuntungan dalam sektor ekonomi negara imperialis yang adanya persaingan. Pengeksportan modal ini juga merangsang aktiviti ekonomi yang berfaedah untuk negara imperialis,

seperti membangunkan perlombongan dan penanaman bahan mentah di negara-negara yang belum membangun (di Asia, Afrika dan Amerika Latin).

Selagi aktiviti kapitalis dalam pasaran dunia hanyalah untuk menjual barangan dan membeli bahan mentah atau makanan, maka tiada keperluan yang besar untuk menggunakan kekuasaan tentera dalam menakluk wilayah jajahan yang baru. Namun, apabila pengeksportan modal menjadi sesuatu yang utama dalam aktiviti antarabangsa, situasi pun berubah.

Penjualan komoditi dapat mengutip balik wang hasil jualannya pada masa yang singkat, paling lama pun beberapa bulan. Tetapi pelaburan di negara lain pula memakan masa yang lama untuk mendapatkan pulangannya, berkemungkinan mengambil masa beberapa tahun. Oleh itu, kuasa-kuasa besar melihat keperluan untuk mewujudkan pengawalan secara berpanjangan ke atas negara di mana kapitalisnya melabur, untuk memastikan pulangan dan keuntungan pelaburan itu dapat terjamin. Inilah motifnya untuk penjajahan. ##



Standard Oil milik John D. Rockefeller, merupakan "Amanah" bisnes yang paling awal (1882). Ia merupakan korporat multinasional yang pertama dan terbesar di dunia sehingga tahun 1911.

Sudut Komik Akta sakit hati? Siapa yang sakit hati?



Kongres Nasional PSM ke-18

Tawar nafas politik baru

Kongres Nasional Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah berlangsung untuk julung kalinya di Shah Alam, pada 3-5 Jun 2016. Kongres PSM yang ke-18 memainkan peranan yang penting dalam membuka jalan baru kepada perjuangan sosialis.

Negara kita berada dalam suatu tahap sejarah yang amat kritikal, di mana rakyat sudah mula jemu dengan permainan politik kedua-dua blok pemerintah UMNO-BN dan pembangkang yang terdiri daripada Pakatan Harapan dan PAS, dan kini mendahagakan suatu alternatif politik baru untuk perubahan yang tulen.

Kongres Nasional PSM telah menilai segala perjuangan PSM bersama rakyat marhaen, mendalami analisis sistem ekonomi dan politik kapitalis yang menindas rakyat, serta merangka program alternatif



sosialis yang harus dibawa oleh PSM.

Selaras dengan hasrat itu, satu sesi pembentangan dan bengkel khas telah diadakan untuk membedah isu kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu di bandar dan luar bandar. Walaupun negara kita diperintah oleh UMNO yang kononnya mewakili masyarakat Melayu sejak merdeka, tetapi masih wujud kemiskinan rumahtangga yang ketara di kalangan orang Melayu. Dasar-dasar yang dibawa oleh UMNO hanya berjaya mengkayakan golongan elit politik Melayu dan perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan pemerintahan UMNO. Walaupun pelbagai program diperkenalkan atas nama rakyat marhaen etnik Melayu, tetapi manfaat program ini tidak sampai ke peringkat akar umbi. Oleh itu, jurang pendapatan antara elit politik-ekonomi Melayu dan miskin

bandar/luar bandar Melayu semakin membesar.

Maka PSM berpandangan bahawa asas ekonomi berlandaskan sistem kapitalis ini perlu diganti dengan model ekonomi yang berasaskan pengagihan kekayaan secara adil. Gaji minimum perlu ditingkatkan, cukai GST perlu dimansuhkan, penswastan kemudahan asas – bekalan air, elektrik, pendidikan, kesihatan – perlu dihentikan demi mengawal peningkatan beban kos hidup. PSM bersedia membawa mesej ini memandangkan pembangkang aliran utama gagal menawarkan satu model ekonomi yang benar-benar dapat menyelesaikan masalah asas rakyat.

Para delegasi dalam Kongres kali ini juga membincangkan posisi PSM dalam pilhanraya PRU-14 yang akan datang. PSM masih berpendirian



bahawa pemerintahan UMNO-BN perlu ditumbangkan dan ini hanya mungkin berlaku jika blok pembangkang mencabar BN secara satu lawan satu dalam pilihanraya. PSM sanggup bekerjasama jika pembangkang membentuk sebuah pakatan yang teguh. Tetapi, malangnya apa yang berlaku di PRN Sarawak serta PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar amat merisaukan. Dalam situasi sedemikian, PSM akan terus bertanding berasingan menawarkan calon dan program sosialis di lebih banyak kawasan pilihanraya berbanding dengan PRU-13.

Kongres PSM berakhir dengan azam yang baru untuk membawa perjuangan rakyat ke hadapan.

Resolusi Kongres PSM ke-18

1. PSM menolak Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).
2. PSM menuntut pada kerajaan supaya membatalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).
3. Kerajaan perlu laksanakan Tabung Pemberhentian Kerja.
4. Kerajaan harus menghapuskan sistem kontrak yang memangsakan dan memiskinkan pekerja.
5. Kerajaan harus melaksanakan gaji minimum RM 1500.
6. Kerajaan harus mengeluarkan permit kerja kepada 2.5 juta pekerja migran tanpa dokumen dan menjamin hak pekerja migran. Hentikan pengambilan pekerja migran yang baru.
7. Miliknegerakan semula kemudahan asas yang sudah diswastakan, seperti bekalan air, elektrik, pendidikan dan sebagainya.
 - Hentikan segala usaha memperbadankan/menswastakan hospital kerajaan.
 - Hospital kerajaan tidak patut mengenakan bayaran tinggi sehingga membebankan lagi rakyat.
8. Tolak diskriminasi terhadap pekerja migran yang berdokumen sah dan tanpa dokumen dalam sektor kesihatan awam.
9. Laksanakan pendidikan percuma untuk semua rakyat sehingga ke tahap universiti. Hapuskan PTPTN. Kerajaan harus menyekat peningkatan jumlah kolej swasta yang bermotifkan keuntungan.
10. Kerajaan harus membela nasib petani yang menjadi mangsa pembangunan.
11. Kerajaan harus melaksanakan skim pencen untuk semua rakyat yang menjangkau usia persaraan.
12. Kerajaan harus memastikan harga rumah berada di paras yang berpatutan dan mampu dimiliki oleh rakyat miskin.
13. Hentikan projek-projek yang memusnahkan alam sekitar, seperti lombong bauksit, loji penjaan kuasa nuklear, penambakan laut, pembinaan Lebuh raya EKVE yang menjejaskan kawasan tadahan air dan hutan simpanan, dan sebagainya. Kerajaan harus ambil serius pada

ancaman perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar seperti jerebu yang berulang-ulang setiap tahun.

14. PSM mengecam tindakan kerajaan negeri Sarawak yang menghalang kemasukan aktivis politik dari Semenanjung secara selektif. Halangan imigresen yang berunsur politik perlu dihentikan.

15. Mansuhkan undang-undang yang diskriminasi gender dan orientasi seksualiti. Jamin hak asasi manusia dan maruah semua orang termasuk golongan LGBT.

16. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) harus bersikap adil, berkecuali dan tegas dalam memastikan pilihanraya yang adil dan bersih. Kurangkan umur layak mengundi di negara kita kepada 18 tahun.

17. Kerajaan Persekutuan dan semua kerajaan negeri (termasuk kerajaan Pakatan Harapan) perlu menghapuskan tol di lebuh raya.

18. Tingkatkan pengangkutan awam. Perlu perluaskan pengangkutan awam ke kawasan pedalaman secara percuma. Harga tambang pengangkutan awam perlu diturunkan.

19. Kerajaan Malaysia harus menandatangani dan mengesahkan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Penderaan.

20. Mansuhkan akta-akta yang zalim yang menyekat hak asasi manusia dan menghakis ruang demokrasi, termasuk Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Majlis Keselamatan Negara, Akta Pencegahan Keganasan (POTA), Akta Kesalahan Keselamatan (SOSMA), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan sebagainya.

21. Pihak polis perlu hentikan amalan "tukar gari" (penangkapan berulang ke atas seseorang dengan alasan pertuduhan berlainan).

22. Kerajaan harus mengambil langkah untuk mengawal inflasi. Harga barangan runcit dan harga makanan di kedai makanan harus dikurangkan.

23. Kerajaan perlu mengambil langkah untuk membantu peniaga kecil semasa krisis ekonomi dengan mengurangkan karenah birokrasi.

24. Kerajaan harus meningkatkan jumlah wang untuk bantuan kebajikan kepada golongan OKU.

25. Hentikan politik perkauman.